

Hari Isnin  
9 September 1996

## **NEGERI TERENGGANU**

**PENYATA RASMI  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YANG KESEMBILAN  
PENGKAL PERSIDANGAN  
YANG KEDUA**

**Mesyuarat Kali Yang Kedua  
Pada 9 September 1996  
Bersamaan 25 R' Akhir 1417**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**



**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

daripada:

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**





**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEMBILAN**

**PADA 9 SEPTEMBER 1996  
BERSAMAAN 25 R' AKHIR 1417**

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu



Hari Isnin  
9 September 1996

## KANDUNGAN

- |    |  |             |
|----|--|-------------|
| 1. | Nama Ahli-ahli   | [ Muka i ]  |
| 2. | Doa  | [ Muka 1 ]  |
| 3. | Ucapan Yang Dipertua   | [ Muka 1 ]  |
| 4. | Kertas-kertas Kerja dan<br>Laporan-laporan                           | [ Muka 2 ]  |
| 5. | Soalan-soalan Yang Telah<br>Diberi Notis                             | [ Muka 4 ]  |
| -  | Soalan-soalan Bertulis   |             |
| -  | Soalan-soalan Lisan  |             |
| 6. | Perlantikan Ahli Dewan Negara  | [ Muka 26 ] |
| 7. | Usul Yang Telah Diberi Notis   | [ Muka 28 ] |
| -  | Anggaran Perbekalan Air (Tambahan)<br>(No. 1) 1996 Perbelanjaan 1996 |             |
| 8. | Rang Undang-Undang   |             |
| 1. | Enakmen Perbekalan (Tambahan)<br>(No. 1) 1996                        | [ Muka 31 ] |
| 2. | Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal<br>Agama Islam (Pindaan) 1996          | [ Muka 46 ] |
| 9. | Tanggahan  | [ Muka 63 ] |



9 September 1996

**DEWAN UNDANGAN NEGERI MULAI BERSIDANG PADA PUKUL 9.30 PAGI**

**HADIR**

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA

Dato' Engku Bijaya Sura,  
DSMT., DPMT., SMT., AMN., PJC., PJK., BLB.  
(Dato' Syed Omar bin Mohamad)  
WAKIL PAKA

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Amar Di Raja (Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad),  
SSMT., PSM., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,

SPMT., JSM., PJC., PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Yusof bin Haji Mohd Noor,

SPMT., DSSA., JMN., PPT.  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,

DSMT., ASM., KMN., PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Dato' Aziz @ Ibrahim bin Awang,

DPMT., AMN., PJK.  
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said, PJK.

WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,

WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Encik Wong Foon Meng,

WAKIL BANDAR

9 September 1996

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,  
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,PPN.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Dato' Haji Muda bin Mamat,  
DPMT.,PJK.,PPN.  
WAKIL PUNGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Harun bin Hassan,  
AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohamad (a) Abu Bakar bin Ali,  
AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Awang bin Abdul Jabar,  
ASM.,SMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Othman bin Daud, PJC.  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Idris bin Mamat,  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Awang Chik,  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Encik Mohd Jidin bin Shafec,  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Abu Bakar,  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Encik Mohd Lukman bin Muda,  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Haji Ibrahim bin Yusof,  
WAKIL KUALA BERANG

9 September 1996

Yang Berhormat Tuan Yaakub bin Abdul Kadir,  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib,  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong,  
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang,  
WAKIL RIHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut,  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah,  
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali,  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ismail bin Mamat,  
WAKIL TELUK PASU

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang,  
DPMT.,PPT.,PJK.  
WAKIL BUKIT PAYUNG

- Maaf (cuti sakit)

9 September 1996

HADIR menurut Fasal XIII (3) Undang-Undang Bagi Diri  
Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama)

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KI-RAJAAN

Dato' Seri Dato' Lela Perkasa,  
(Dato' Serri Mohd Azahar bin Othman),  
SSMT.,SPMT.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Ab. Karim bin Ab. Rahman

TIDAK HADIR

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KI-WANGAN NEGERI

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan bin Hashim),  
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB. Maat

TURUT HADIR

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI,  
Encik Osman bin Muda, PJK.  
(Pegawai Tadbir Negeri Terengganu)



9 September 1996

PUKUL 9.30 PAGI

### DOA

Dibaca oleh Y.B.M. Yang Dipertua.

### UCAPAN YANG DIPERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim  
Alhamdulillah Rabbil Alamin  
Wahibi nastain  
Wassalatu wassalamualaalihi syaidina  
Muhammadin waalaalihi wasyahbihi ajimain.

Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, Dato' Seri Amar Di Raja, Menteri Besar Terengganu serta ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian.

Saya mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan rahmatNya kita dapat sekali lagi berada dalam Dewan yang mulia ini untuk menjalankan amanahNya sebagai ahli Dewan Bagi Sidang Kedua, Penggal Kedua, Dewan Undangan Kali Kesembilan.

Semoga Allah memberkati kita semua, memelihara kita supaya kita tidak lalai mengingatkanNya dalam menyatakan sesuatu selama kita berada di dalam Dewan ini, denganNya terpeliharalah nama baik Dewan Undangan Negeri Terengganu sepanjang zaman.

Kita mesyuarat pada hari ini sehari sahaja sebagaimana kertas kerja yang ada di depan kita. Saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama Yang Berhormat sekalian, memberi kerjasama kepada saya dalam menjalankan tugas ini.

Sekian, "Selamat Bersidang".

9 September 1996

**KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

**YANG BERTHORMAT MULLA DATO' YANG DIPERTUA:** Kertas-kertas Kerja dan Laporan yang dibentangkan ialah:

- (1) Peruntukan Tambahan Yang Pertama Anggaran Perbekalan Tahun 1996.  
(DUN. Bil. 11/96)
- (2) Peruntukan Tambahan Bekalan Air Negeri 1996.  
(DUN. Bil. 12/96)
- (3) Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Hulu Terengganu Bagi Tahun 1993.  
(DUN. Bil. 13/96)
- (4) Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Hulu Terengganu Bagi Tahun 1994.  
(DUN. Bil. 14/96)
- (5) Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Dungun Bagi Tahun 1990.  
(DUN. Bil. 15/96)
- (6) Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Dungun Bagi Tahun 1991.  
(DUN. Bil. 16/96)
- (7) Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Dungun Bagi Tahun 1992.  
(DUN. Bil. 17/96)
- (8) Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Dungun Bagi Tahun 1993.  
(DUN. Bil. 18/96)

9 September 1996

- (9) Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Dungun Bagi Tahun 1994.

(DUN. Bil. 19/96)

- (10) Penyata Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Bagi Tahun 1995.

(DUN. Bil. 20/96)

- (11) Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan Negeri Berkenaan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Negeri Terengganu Bagi Tahun 1992.

(DUN. Bil. 21/96)

9 September 1996

**SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

**YANG BERTIHOORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang telah diberi notis, yang dibentangkan di hadapan Ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

- (1) Y.B. Haji Wan Abd. Mutalib bin Embong  
(Wakil Batu Buruk)
- (2) Y.B. Haji Harun bin Taib  
(Wakil Manir)
- (3) Y.B. Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
(Wakil Rhu Rendang)
- (4) Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
- (5) Y.B. Haji Abu Isakar bin Abdullah  
(Wakil Tepoh)
- (6) Y.B. Encik Yahaya bin Ali  
(Wakil Alur Limbat)

9 September 1996

### SOALAN-SOALAN LISAN

**YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Encik Mohd Jidin bin Shafce, Wakil Permaisuri kemukakan soalan.

**YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE:** (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Terdapat beberapa muara sungai di negeri ini yang menjadi terminal pendaratan pelancongan seperti Kuala Besut, Merang, Marang dan lain-lain destinasi. Se jauh manakah sehingga kini usaha kerajaan untuk mendalam, menanda petunjuk-petunjuk keselamatan, menyediakan pasukan penyelamat dan lain-lain persediaan bagi keselesaan pengangkutan laut menjelang Tahun Melawat Terengganu 1997.

**YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG** (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada tiga muara sungai utama dalam Negeri Terengganu ini yang menjadi pusat pendaratan pelancong. Yang pertama ialah Kuala Besut, kerja mendalam muara sungai Kuala Besut, pembinaan pemecah ombak dan juga jeti pelancong dalam proses pembinaan. Bagi muara sungai Merang, pembinaan jeti telah siap dan pembinaan pemecah ombak yang kedua dalam proses tender dan akan dilaksanakan pada tahun ini juga. Bagi muara sungai Marang, pakar perunding sedang menjalankan rekabentuk dan Insya Allah akan siap pada bulan Oktober 1996 dan dijangka dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Berkenaan dengan petunjuk keselamatan bagi kawasan muara sungai yang digazet sebagai pelabuhan, adalah menjadi tugas pihak Jabatan Laut bagi menandakan tanda-tanda keselamatan seperti boya dan juga rumah api. Di samping itu Jabatan Perikanan juga memainkan peranan bagi keselesaan bot pelancong dan juga bot nelayan. Mengenai Pasukan Penyelamat kita ada tiga agensi, agensi pelaksana yang menjalankan kerja-kerja keselamatan iaitu Jabatan Laut, Jabatan Perikanan dan juga Marin Polis.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE** (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Selain daripada muara-muara yang disebutkan tadi, adakah kerajaan juga bercadang untuk membaiki ataupun mendalam dan membangun muara Sungai Kuala Terengganu dan tanah di sekitarnya.

**YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG** (Wakil Sura): Muara Sungai Kuala Terengganu adalah merupakan muara yang paling utama ia merupakan pelabuhan asal, terawal Terengganu. Dan di Kuala Terengganu juga kita telah membina sebuah jeti dan terminal pelancong utama dan usaha untuk menjaga keselamatan muara Sungai Kuala Terengganu seperti apa yang kita baca dalam akhbar baru-baru ini iaitu mengeluarkan sebuah kapal lama yang telah tenggelam di situ sedang dilaksanakan. Jadi masalah keselamatan Insya Allah, saya rasa bagi bot pelancong tidak menjadi halangan. Terima kasih.

9 September 1996

Walaupun bagaimanapun, usaha-usaha sedang dibuat oleh kerajaan, agensi-agensi terlibat bagi memberi, membuat apa namanya perancangan bagi mendalamkan lagi muara Sungai Kuala Terengganu. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):** Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua - Adakah terminal pendaratan untuk pelancong ini jugak akan diberi kemudahan yang sama kepada nelayan tempatan.

**YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ (a) IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura):** Jeti pelancong adalah untuk pelancong saja Dato' Yang Dipertua, yang nelayan memang sudah ada nelayannya, kita banyak jeti pendaratan ikan nelayan.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):** Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua:

- a. Setakat ini berapakah jumlah unit rumah murah yang telah dibina di negeri ini oleh Jabatan Perumahan Negara.
- b. Sejahterakah pada sambutan dari rakyat Negeri Terengganu terhadap penjualan rumah-rumah murah tersebut.

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, setakat ini Jabatan Perumahan Negara telah membina sejumlah 1,610 buah rumah di Terengganu iaitu semenjak Jabatan Perumahan Negara bertindak sebagai Pegawai Pelaksana mulai tahun 1991 dan sambutan yang diterima amatlah menggalakkan.

**YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor tiga:

Apakah jenis-jenis pertanian, kemudahan dan galakan yang telah dan akan disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menjamin sektor pertanian di negeri ini menjadi satu sektor yang dapat memberikan pulangan ekonomi yang baik kepada petani dan pengusaha tempatan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHUZALIF BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap):** Terima kasih, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada menjawab soalan ini, suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat itu dan jugak kepada Dewan yang mulia ini iaitu matlamat kerajaan negeri di dalam sektor pertanian ialah yang pertama sekali untuk mencapai, meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian daripada kedudukan sekarang 2.3% kepada 4% mungkin menjelang abad yang akan datang; dan yang keduanya ianya bertujuan untuk membasmi kemiskinan dengan secara yang berkesan di kalangan

9 September 1996

petani-petani, nelayan, penternak penduduk luar bandar dengan cara meningkatkan ekonomi mereka ini.

Dato' Yang Dipertua, tanaman-tanaman yang digalakkan dan jugak hasil-hasil pertanian, perikanan dan jugak perhutanan yang digalakkan ialah bagi pertanian tanaman-tanaman komersil iaitu tanaman-tanaman ekonomi yang mempunyai pasaran yang meluas dan jugak nilai ataupun harga yang baik. Tanaman-tanaman 'primary' yang digalakkan utama bagi pertanian ialah seperti Duku Terengganu iaitu sejenis buah komersil Terengganu, dokong, durian, salak, limau madu, roselle dan sayur-sayuran. Di samping itu, ada beberapa tanaman-tanaman pertanian yang digalakkan seperti cempedak, rambutan klon-klon yang komersil, jambu madu, buah ciku, buah sukun jugak akan diberi penekanan. Pada menjawab apakah kemudahan yang diberikan oleh kerajaan, suka saya menyatakan iaitu sebagaimana yang kita sedia maklum kerajaan telah memberikan dan akan meningkatkan lagi pada masa akan datang bantuan-bantuan, kemudahan-kemudahan, galakan-galakan kepada petani-petani seperti input, khidmat nasihat, jentera dan jugak tanah-tanah seperti tanah-tanah kelompok dan yang lebih daripada itu Dato' Yang Dipertua memastikan belanjawan bagi pembangunan sektor ini akan dapat ditingkatkan.

Dato' Yang Dipertua akhir sekali, suka saya menyebutkan bahawa bantuan-bantuan kerajaan dan peranan kerajaan saja tidak mencukupi untuk meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian ini dan jugak rancangan untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan ekonomi pendapatan nelayan ianya sangat penting supaya nelayan-nelayan, petani-petani dan penternak sendiri meningkatkan dan mengubah rancangan ekonomi pertanian mereka.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Sejauh manakah pula usaha kerajaan dalam menggalak dan membangunkan penanaman padi serta usaha memastikan bekalan beras yang cukup di Negeri Terengganu dan juga bagaimana pula kerajaan mengambil langkah mencukupkan bekalan ikan dan mengawal harga ikan yang berpatutan di negeri ini.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEF BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap):** Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Negeri Terengganu bukan saja kekurangan bekalan beras dan jugak ikan, tetapi sebenar Dato' Yang Dipertua kita jugak kekurangan bekalan ayam, daging, sayur-sayuran. Inilah masalah utama dan 'fundamental' yang dihadapi dalam sektor pertanian di Negeri Terengganu pada masa ini. Oleh kerana itu menjadi dasar dan menjadi matlamat kerajaan negeri supaya Negeri Terengganu pada masa akan datang meningkatkan pengeluaran di dalam barang-barang makanan untuk keperluan sendiri dan malah Dato' Yang Dipertua, apa salahnya kalau kita usahakan supaya kita dapat menjadi negeri yang mengeksport, membekalkan barang-barang makanan untuk negara dan seterusnya untuk negara-negara luar, negeri-negeri jiran seperti Singapura dan jugak Thailand. Bagi padi Dato' Yang Dipertua, tahap sara diri kita ialah pada kadar 45% pada masa ini dan kita mempunyai rancangan untuk meningkatkan padi pada masa ini, kita ada kenal pasti dua kawasan yang baru untuk pengeluaran padi satu di Setiu, satu di Marang di samping kawasan yang sedia ada akan ditingkatkan produktiviti atau pun pengeluaran daripada kawasan yang berkenaan seperti di Besut kawasan KETARA. Dato' Yang Dipertua, pihak kita telah memintak supaya pihak

9 September 1996

RISDA dan jugak pihak BERNAS mengkaji rancangan untuk mengadakan tanaman padi secara swasta, secara komersil. Satu kawasan seluas 2,000 ekar telah pun dikenal pasti dan satu rancangan saliran dengan peruntukan 4.1 juta ringgit sudah pun diluluskan, ini salah satu daripada rancangan ini. Insya Allah, Dato' Yang Dipertua kita akan meningkatkan lagi pengeluaran padi berkenaan. Ikan Dato' Yang Dipertua, ini pun satu masalah dan pada pandangan saya masalah ini adalah masalah yang 'fundamental' jugak masalah ekonomi, masalah bekalan dan jugak permintaan. Sebagaimana yang kita ketahui ikan ditangkap secara bermusim, ada masa lebih ikan ada masa kurang ikan. Masa kurang ikan, bekalamnya kurang harganya naik, masa berlebihan harganya jatuh. Jadi oleh kerana itu kerajaan negeri telah menetapkan satu rancangan iaitu untuk mengatasi masalah perbekalan ikan di Negeri Terengganu ini sepanjang tahun. Untuk ini kita telah memintak satu pihak swasta supaya mengadakan perniagaan ikan dengan cara mengadakan blaze-freezer dan juga bilik sejuk ikan distokkan pada masa ikan berlebihan dan dijualkan, dikeluarkan kepada pasaran tempatan untuk pengguna-pengguna tempatan pada masa ikan berkurangan. Jadi ini suatu pendekatan perniagaan yang kita cuba berikan untuk mengatasi masalah ini iaitu masalah kekurangan ikan sepanjang tahun.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh kerajaan dan agensi-agensi ketajaan untuk memberi pendidikan yang membolehkan, yang boleh menambahkan pengetahuan dan kemahiran kepada petani-petani dan nelayan-nelayan supaya petani-petani dan nelayan-nelayan dapat mengubah sikapnya dari bekerja dalam bidang pertanian dan nelayan ini secara tradisional kepada komersil. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALIE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, satu persoalan yang sangat penting dan sangat sukar untuk dijelaskan dengan ringkasnya. Walau macam mana pun Dato' Yang Dipertua, kita sedang mengajak melalui beberapa program dan usaha supaya nelayan mempunyai kefahaman, kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam lagi di dalam kegiatan ekonomi mereka. Kita mengajak mereka menyedar: bahawa tidak boleh lagi bertani secara kecil-kecilan mereka perlu bertani secara besar-besaran dengan memilih tanaman-tanaman yang benar-benar boleh mendatangkan pendapatan mereka dan mereka perlu melabur di dalam sektor ini janganlah mereka bertanam sekadar cukup makan atau pun dalam istilah Negeri Terengganu 'untuk makan la', cukup makan, makan la saja tidak boleh mesti mereka bersedia melabur dan mengusahakan kegiatan pertanian mereka secara komersil. Mereka perlu tahu apa tanaman-tanaman yang boleh mendatangkan pendapatan yang baik, pasaran yang baik. Dan begitu jugak dalam perikanan, mereka perlu, tidak lagi mereka perlu memandang ke arah yang lain bukan saja tangkap ikan di laut tetapi ternak ikan dan udang di darat ikan masin, ikan air masin, ikan air tawar dan jugak udang Harimau. Pendek kata Dato' Yang Dipertua, kita akan meningkatkan usaha-usaha supaya petani, nelayan, penternak mengusahakan kegiatan mereka secara komersil, mereka perlu melibat dalam urusniaga, perniagaan pertanian lebih lagi dan mereka perlu jugak melibatkar diri dalam perindustrian, pemerosesan dalam sektor pertanian ini lebih hebat lagi pada masa yang akan datang.

Sekian Dato' Yang Dipertua, terima kasih.



9 September 1996

**YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

**YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat yang kedua, Yang Berhormat Haji Ibrahim bin Yusof Wakil Kuala Berang.

**YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan pertama:

Kerajaan bercita-cita dan bermatlamat untuk membangunkan Negeri ini dengan mengimbang antara dunia dan akhirat. Pertambahan murid-murid di setengah sekolah amat ketara. Guru Agama tidak mencukupi bagi menampung pertambahan murid. Tidakkah kerajaan bercadang akan menambah bilangan guru Agama di sekolah-sekolah.

**YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja):** Dato' Yang Dipertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kerajaan Negeri memang bercadang menambah bilangan guru-guru agama daripada masa ke semasa. Kedudukan sebenarnya bukan Kerajaan Negeri sekadar bercadang nak tambah tapi telah pun tambah daripada masa ke semasa. Dan ini terbukti apabila terdapat kesulitan di peringkat agensi pusat menambah guru-guru agama. Kerajaan Negeri menambah atas inisiatif sendiri dengan mewujudkan guru-guru agama sementara.

**YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Yang Dipertua, soalan tambahan Yang Dipertua - Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat mengenai dasar perimbangan antara dunia dan akhirat. Adakah ini bererti kita buat premis judi sikit, buat rumah surau-surau ibadat sikit, atau pun nak imbang macam mana ni?

**YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja):** Dato' Yang Dipertua, soalan yang diutarakan di sini ialah tentang sama ada kerajaan bercadang nak tambah atau pun tidak. Tapi sebagai menghormati soalan itu, usaha menambah bilangan guru-guru agama ini sebenarnya memang kita mengambil kira supaya keperluan yang dituntut oleh Islam itu akan dapat dilaksanakan kerana guru-guru agama yang dimaksudkan bukan bermakna guru yang hanya mengajar ilmu agama tetapi guru-guru yang mengajar bidang-bidang yang lain yang boleh melengkapkan keperluan seorang muslim yang akan meliputi keperluan di dunia dan di akhirat.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Yang Dipertua, saya minta penjelasan Yang Berhormat - Kerajaan bercita-cita dan bermatlamat untuk membangunkan negeri ini dengan mengimbang antara dunia dan akhirat, ini yang saya tanya. Apakah erti, konsep 'imbang' tu. Adakah buat dosa sikit dan buat pahala sikit, kena buat sama-sama ke timbang, biar berat sikit akhirat ke.

9 September 1996

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, saya sudah faham maksud permintaan penjelasan itu. Tetapi mengikut kelazimannya kita tidak hanya menfokus kepada soalan asal, tapi atas persefahaman saya sambut sedikit hasrat itu dan kalau nak diminta penjelasan bolehlah saya sebut dalam konteks keseimbangan bahawa usaha perimbangan itu memang usaha kita buat menerusi penelitian terhadap kurikulum yang dibuat daripada masa ke semasa. Tak payah lagi diragui tentang sama ada kita akan memperseimbangkan atau pun tidak tetapi kedudukan sekarang ini Alhamdulillah, kita dapati setelah kita menilai lepasan daripada sekolah-sekolah agama di negeri ini atau sekolah-sekolah agama di negeri ini yang ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat sebenarnya memang bertujuan untuk mencapai matlamat yang dimaksudkan oleh wakil Yang Berhormat yang berkenaan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTALLIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan - Adakah kerajaan sedar atau pun Yang Berhormat sedar sekarang ini akhlak kanak-kanak atau pun murid-murid sekolah menurun dan merosot, ini yang saya tanya. Dan telah pun diberitakan ada di kalangan murid-murid sekolah yang menjadi pelacur-pelacur terhormat pada hari ini, ini yang saya tanya. Adakah pembangunan ini diimbangkan, jadi pelacur separuh, jadi ustazah separuh atau sebagainya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, maksud diperimbangan di antara di dunia dan akhirat di dunia pun buat kebajikan akhirat buat kebajikan bukan sebagaimana difahamkan oleh Ahli Batu Buruk dosa separuh, pahala separuh. Yang Berhormat sendiri pun tidak tahu perimbangan bagaimana kita nak perjuangkan dalam Islam. Itu saja penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTALLIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Dipertua, saya rasa Yang Amat Berhormat tersasul daripada soalan penjelasan yang saya tanya. Bila ada imbang, macam timbang dacing berat alek ni ke ringan alek ni, apa yang dimaksudkan ialah persamaan sama ada di dunia dan akhirat ini mestilah menuju matlamat yang satu. Tetapi saya tak mahu berbahas Yang Dipertua .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tetapi Yang Berhormat telah katakan dosa separuh ke pahala separuh. Apa yang telah dijawab ni jelas dan soalan ini pun jelas 'perimbangan', cuma soal guru nak tambah murid ramai. Itu saja.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): ..... Yang Dipertua, tidak sampai maksud tak apa biar saya jawab kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, saya ingin memberi penjelasan lagi kerana saya sebutkan tadi Dato' Yang Dipertua bahawa saya memberi respon hanya kerana menghormati, walaupun sebenarnya perkara itu tak perlu diberi perhatian kerana ia membangkitkan perbahasan sedangkan soalan mengikut peraturan kita tidak boleh berakhir dengan perbahasan tapi saya sebutkan menghormati seorang kawan, maka saya kata saya terangkan sedikit tentang kedudukan kurikulum yang bertujuan untuk melahirkan generasi yang seimbang. Jadi penjelasan yang ditambah oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengukuhkan lagi bahawa tidak

9 September 1996

perlulah kita ragui dan jangan sekali-kali kita menuduh atau menyebut bahawa sistem yang ada hari ini mengeluarkan, dengan mohon maaf 'pelacur' kerana itu tuduhan yang tidak berasas dan kalau terjadi ia bukan kerana sistem kita. Mungkin tidak ada sistem yang kita perkenalkan sekarang ini, mungkin keadaan lebih buruk. Kita harus mempunyai sikap yang positif dan optimistik terhadap sistem yang ada.

**YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Payah orang nak kenal dunia akhirat ni.

**YANG BERTHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan kedua:

Daerah Hulu Terengganu adalah Daerah Luar Bandar. Penilaian UPSR 1995 bagi sekolah-sekolah di Daerah Hulu Terengganu yang mendapat 4A seramai 332 orang. Yang dapat masuk ke sekolah Asrama Penuh cuma 12 orang. Adakah kuota bagi murid-murid luar bandar untuk memasuki Asrama Penuh telah dihapuskan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, lazimnya terdapat semacam kuota atau peruntukan sebanyak 70 peratus yang diberikan kepada pelajar-pelajar luar bandar untuk masuk ke sekolah-sekolah asrama penuh. Terdapat sedikit percanggahan maklumat yang saya rasa perlu saya betulkan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, bilangan 332 yang dikatakan kejayaan pelajar-pelajar Hulu Terengganu mendapat 4A sepatutnya ialah 53 orang bukan 332 orang. Dalam maklumat kita ada bilangan 322 bukan 332 iaitu bilangan pelajar-pelajar 4A seluruh Negeri Terengganu yang diterima masuk ke sekolah berasrama penuh, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga:

Kilang MARDEC Kuala Berang terletak di Pusat Bandar Kuala Berang ianya menyebabkan alam sekitarnya tercemar. Tidakkah kerajaan bercadang untuk memindahkan Kilang MARDEC tersebut ke kawasan yang baru bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar dan penceraman air minuman penduduk Hulu Terengganu.

**YANG BERTHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, bagi mengatasi masalah apa kilang getah MARDEC di Kuala Berang pihak kerajaan telah mewujudkan satu Jawatankuasa di peringkat daerah Hulu Terengganu yang dianggotai oleh Pejabat Daerah, Pejabat Tanah Daerah, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pejabat Kesihatan dan Majlis Daerah Hulu Terengganu untuk meneliti dan mengkaji punca-punca dan masalah-masalah yang timbul oleh kilang MARDEC di Kuala Berang ini. Beberapa tinjauan telah pun dibuat dan cadangan-cadangan ke atas kawalan pencemaran telah pun dicadangkan dan pihak Jawatankuasa juga telah pun membuat penelitian sama ada hendak memindahkan tapak kilang yang sedia ada ini ke tapak yang lebih sesuai. Terima kasih.

9 September 1996

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):**  
Soalan tambahan - Saya nak tanya yang cemar tu udara ke sungai?

**YANG BERTHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat Wakil Batu Buruk kilang getah biasanya menimbulkan kedua-dua masalah iaitu masalah bau dan juga masalah pencemaran air sekiranya tidak dikawal.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):**  
Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tidak mahu biasa saya mahu kajian dan pendapat Jawatankuasa tadi, apa dia, sungai ke udara?

**YANG BERTHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar):** Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua sebagaimana yang saya nyatakan tadi, semua aspek-aspek dan masalah yang timbul .....

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):**  
Yang Dipertua, saya minta maaf melainkan Yang Berhormat tak faham soalan saya. Saya tanya adakah 'finding' atau pun apa nana ni yang diperolehi oleh Jawatankuasa itu yang tercemarnya udara ke atau pun sungai? Kerana kalaulah udara orang Hulu Terengganu ni dah biasa kalau tidak ada bau yang busuk ni dia tak hidup dah.

**YANG BERTHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar):** ..... Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, masalah yang timbul dan dikaji oleh Jawatankuasa ini meliputi kedua-dua aspek dan sebagaimana yang saya nyatakan tadi Jawatankuasa akan membuat cadangan-cadangan termasuk membuat pindahan kilang yang berkenaan. Itu lebih jelas Yang Berhormat Mulia Dato' Yang dipertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):**  
Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Tidakkah kerajaan sedar bila meluluskan lesen itu atau pun perumahan awam kos rendah yang sebelah MARDEC itu dibina, tidakkah kerajaan mengambil aspek-aspek dan faktor-faktor ini?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap):** Dato' Yang Dipertua penjelasan, kilang itu ada duit rumah awam kos rendah kemudian Dato' Yang Dipertua, yang saya ingat. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):**  
Betul Dato' Yang Dipertua, rumah kos rendah ni kemudian, tetapi membina dan meluluskan skim rumah-rumah kos rendah ini di sebelah MARDEC ini apakah penilaian yang dibuat?

**YANG BERTHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan memang membuat penilaian apabila meluluskan sesuatu projek pembangunan sama ada projek industri atau pun projek-projek pembangunan yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat Wakil Batu Buruk, saya ingin memberi penjelasan Yang Berhormat

9 September 1996

Mulia Dato' Yang Dipertua bahawa industri-industri sama ada yang mencemar atau pun yang tidak mencemar semasa penilaian dibuat ini tergantung kepada sama ada industri tersebut dapat melaksanakan sistem sebagaimana yang kita syaratkan dengan baik atau pun tidak. Sekiranya ia dapat dikawal dengan baik dengan operasi yang sempurna walau pun sistem atau pun rancangan perumahan itu dekat atau pun berhampiran dengan kilang ia tidak akan menimbulkan masalah.

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Haji Wan Muttalib, Wakil Batu Buruk.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalaimualaikum warahmatullhi wabarokatuh, Dato' Yang Dipertua soalan yang pertama:

Sila nyatakan jumlah pusat pendidikan (taska) yang dijalankan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu dan nyatakan nama-nama pusat yang telah ditubuhkan serta perbelanjaan dan pendapatan jika ada mengikut pusat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, TASKA yang berkenaan ialah:

Yang Pertama: TASKA Keluarga Kuala Terengganu,  
Jalan Sultan Omar.

Yang kedua: TASKA Keluarga Batas Baru,  
Jalan Batas Baru, Kuala Terengganu.

Yang Ketiga: TASKA Keluarga Batu Buruk,  
81, Jalan Sultan Mahmud, Kuala Terengganu.

Yang Keempat: TASKA Desa Pengadang Baru,  
Sebelah Kilang Roti Serikandi,  
Pengadang Baru, Kuala Terengganu.

Yang Kelima: TASKA Desa Telaga Daing,  
Telaga Daing, Seberang Takir.

Yang Keenam: TASKA Keluarga Hospital,  
Belakang Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga, Hospital Lama, Jalan Sultan Mahmud, Kuala Terengganu

Yang Ketujuh: TASKA Keluarga Durian Burung.

Yang Kelapan: TASKA Keluarga Wakaf Tembesu,  
Taman PERMINT Makmur.

9 September 1996

Yang Kesembilan: TASKA Keluarga Taman Jaya,  
Pekan Hulu Terengganu.

Yang Kesepuluh: TASKA Keluarga Kuala Berang,  
Jalau Butut, Kuala Berang.

Yang Kesebelas: TASKA Keluarga Marang,  
Jalan Padang Bola, Marang.

Yang Kedua belas: TASKA Desa Binjai Rendah,  
Pekan Binjai Rendah, Marang.

Yang Ketiga belas: TASKA Desa Kuala Besut,  
Kampung Nail, Kuala Besut.

Yang Keempat belas: TASKA Keluarga Besut,  
No. 12, Bangunan JKR Lama, Hadapan Balai Polis,  
Kampung Raja, Besut.

Yang Kelima belas: TASKA Keluarga Permaisuri,  
Sebelah Tadika Yayasan Islam,  
Bandar Permaisuri.

Yang Keenam belas: TASKA Keluarga Setiu,  
Kawasan Perumahan Putera Jaya, Pak Kancil,  
Permaisuri, Setiu.

Yang Ketujuh belas: TASKA Keluarga SISI-PAKA,  
Perumahan Kakitangan TNB, Paka.

Yang Kelapan belas: TASKA Keluarga KI-TENGAH Jaya,  
Pejabat Ketengah Jaya, KITTENGAH.

Sembilan belas: TASKA Al-Muktafi Billah Shah,  
Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Ketengah.

Dua puluh: TASKA Keluarga Dungun,  
Kampus ITM Sura Gate, Dungun.

Dua puluh satu: TASKA Desa Kuala Dungun,  
Jalan Sungai Udang, Dungun.

Dua puluh dua: TASKA Keluarga Geliga,  
Kampung Geliga Besar, Cukai, Kemaman.



9 September 1996

Dua puluh tiga: TASKA Keluarga Jalan Air Putih,  
Jalan Air Putih, Kemaman.

Dua puluh empat: TASKA Keluarga Kemaman,  
Jalan Air Putih, Kemaman.

Dua puluh lima: TASKA Keluarga Maktab Rendah Sains MARA, Pekarangan Maktab  
Rendah Sains Mara, Wakaf Tengah, Kuala Terengganu.

Dua puluh enam: TASKA Keluarga Jalan Kent,  
No. 10, Jalan Kent Satu Off Jalan Maktab,  
Kuala Lumpur.

Dua puluh tujuh: TASKA Keluarga Damansara,  
Lorong Dungun, Damansara Heights, Kuala Lumpur.

Dua puluh lapan: TASKA Keluarga Shah Alam,  
Jalan Rambutan, Shah Alam.

Dua puluh sembilan: TASKA Keluarga Subang Jaya,  
Subang Jaya, Kuala Lumpur.

Tiga puluh: TASKA Keluarga Sentul,  
Rumah Pangsa Sentul Utara, Sentul, Kuala Lumpur.

Tiga puluh satu: TASKA Keluarga Seksyen 20 Shah Alam, Jalan Tenggiling Seksyen  
20, Shah Alam.

Tiga puluh dua: TADIKA Keluarga Dato' Keramat,  
Dato' Keramat, Kuala Lumpur.

Saya tidak dapat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memberi perincian pendapatan dan perbelanjaan bagi satu-satu TASKA. Apa yang dapat saya berikan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua jumlah pendapatan keseluruhannya RM1,598,769.60 dan perbelanjaannya ialah RM2,299,285.92. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):**  
Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua - Apakah tujuan dan maksud penubuhan TASKA-TASKA di Selangor dan Kuala Lumpur?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):**  
Tujuan yang pentingnya ialah mengembangkan bentuk atau jenis TASKA Keluarga atau pun Yayasan Pembangunan Keluarga Islam di luar daripada Negeri Terengganu.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BN EMBONG (Wakil Batu Buruk):**  
Dato' Yang Dipertua, adakah benar bahawa permasalahan perjawatan oleh Yayasan ini belum diselesaikan?

9 September 1996

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Dato' Yang Dipertua, dapat saya tanya balik apakah yang dimaksudkan dengan permasalahan perjawatan Yang Berhormat?

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Dengan izin Dato' Yang Dipertua, saya bukan kerajaan. Masalah perjawatan pegawai-pegawai, kakitangan-kakitangan dan pekerja-pekerja yang mengendalikan TASKA ini, adakah mendapat kelulusan JPA dari segi perawatannya?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Dato' Yang Dipertua, belum lagi mendapat kelulusan daripada Jabatan Pkhidmatan Awam Malaysia. Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Sejak bila usaha-usaha itu dilakukan dan apakah permasalahan yang dihadapi sebinggakan kelulusan JPA tak diperolehi?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Sejak daripada awal lagi Dato' Yang Dipertua, sejak daripada awal penubuhan lagi. Masalahnya JPA masih belum dapat memberi kelulusan, sebabnya kita tidak tahu.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Dato' Yang Dipertua, ialah kalau saya tanya benda yang aneh mana-mana penolakan mestilah berasas atau pun ada alasan-alasannya. Saya kurang jelas, pernahkah ada penolakan atau pun kalau ada yang menyebabkan Yang Berhormat Exco tak dapat beritahu apakah alasan penolakan.

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR:** Dato' Yang Dipertua, saya suka jelas sikit mengenai perjawatan ini, kita telah kemukakan kepada JPA dan ditolak. Penolakan ini oleh kerana bagi pihak JPA juga tidak memahami konsep dan cara kita melaksanakan TASKA atau pun nursery ini. Dan satu 'briefing' telah kita bawak dengan dihadiri sendiri oleh Ketua Setiausaha Negara dan dia amat menarik dengan cara yang kita lakukan ini dan telah minta kepada kita supaya membuat satu permohonan baru bagi memberi jawatan dalam TASKA ini. Dan Alhamdulillah kita mendapat sokongan daripada pihak JPA dan JPA telah pun mengangkat ke Perbendaharaan untuk kelulusan. Tapi oleh kerana pihak Perbendaharaan barangkali kurang begitu jelas lagi dengan apa yang kita buat dan belum diberi jawapan untuk memberi sebagaimana yang telah kita minta. Walau pun pada mulanya ditolak dan kita buat apil yang baru untuk menjelaskan perkara ini kepada pihak Perbendaharaan. Dan sebab itulah sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, kita sedang menunggu soalan ini; lebih-lebih lagi perhatian yang akhir sekali telah diberi begitu berat terhadap soal perjawatan ini dan apa yang telah kita lakukan merupakan salah satu matlamat yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan ini.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua - Tidakkah rancangan penubuhan ini menjalani proses pengkajian dan penganalisaan oleh unit-unit tertentu kerajaan seperti UPEN dan pembangunan serta sebagainya?



9 September 1996

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Dato' Yang Dipertua, telah pun dikaji dan didapati baik ditubuhkan, maka ditubuhkan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Bukan baik ditubuhkan, saya kata tadi perakuan sepatutnya terlebih dahulu dibuat oleh unit-unit yang tertentu sebelum ditubuhkannya supaya ianya mendapat saluran yang sempurna.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Batu Buruk):  
Kebaikan menubuhkan itu telah diperakukan oleh badan-badan yang dimaksudkan tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Dato' Yang Dipertua, tambahan - Pengeksportan konsep ke Kuala Lumpur dan Selangor ini, sila beritahu yang sebenarnya tujuannya kerana mengikut dasar dan konsep Yayasan Pembangunan ini tertumpu dan diberi keutamaan kepada negeri dan mereka-mereka yang memerlukannya sungguh-sungguh. Jadi kenapa yang lebihkan, apa nama ni, kenapa yang dikembangkan sayapnya ke negeri-negeri dan kawasan-kawasan yang maju.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita telah beberapa tahun memberikan kemudahan di Terengganu dan seperti yang disebut Yang Berhormat sendiri kita mula mengeksport konsep TASKA Yayasan Pembangunan Keluarga ke luar negeri dengan tujuan seperti yang saya sebut tadi untuk mengembangkannya dan untuk mendapat peruntukan bagi membiayai apa yang kita lakukan di Terengganu yang memerlukan sedikit sebanyak tambahan kerana setengah-setengah apa yang kita lakukan di Terengganu, boleh dikatakan kita memberikan subsidi yang begitu besar Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Yang Dipertua, soalan tambahan - Kita dapati di samping TASKA-TASKA ini terdapat satu lagi pusat pendidikan yang tidak rasmi iaitu PASTI. Apakah kerajaan sedar tentang peranan-peranan yang dimainkan oleh PASTI ini? Dan kalau perannya positif, tidakkah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan bantuan kepada PASTI; atau kalau tidak positif atau pun tidak memberi faedah adakah kerajaan tidak bercadang untuk menutup PASTI-PASTI yang ada di Terengganu ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato'  
Yang Dipertua, penjelasan dulu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Dato' Yang Dipertua, saya berhak menjawab bukan Yang Berhormat Wakil Batu Buruk. (Bertepuk).

Pastilah sudah bahawa PASTI-PASTI yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ajil tadi tidak begitu memuaskan hati dari segi pendidikan dan oleh kerana pindaan Akta Pendidikan baru boleh dikatakan telah mula berkuatkuasa maka penubuhan-penubuhan kelas-kelas yang

9 September 1996

seumpama itu yang tidak menepati peraturan-peraturan atau pun peruntukan-peruntukan Akta ini akan diberi nasihat supaya mematuhiinya, dan mana-mana yang tidak dapat mematuhi haruslah menutup pusat-pusat yang demikian, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, penjelasan - PASTI tak terlibat dengan penyalahgunaan wang atau pun kesalahan gunaan wang. Tetapi TASKA terlibat dengan perbelanjaan yang di luar authority atau pun 'authorization'.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pengurusan pendidikan bukan saja terhenti kepada kewangan semata-mata, salah betul pengurusan kewangan. Tapi yang pentingnya salah betul pengurusan budak-budak atau anak-anak di pusat-pusat pendidikan itu sendiri. Kita mahu mem- pastikan bahawa pengurusan jiwa anak-anak itu lebih diberi perhatian dan ini kita dapati kurang diberi perhatian oleh PASTI sebagai pusat pendidikan.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - PASTI boleh, oleh itu tidak timbul soalan tak betul, tak betul, PASTI boleh.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Insya Allah, Akta Pendidikan yang baru akan menentukan sama ada PASTI boleh atau pun tidak.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua:

Adakah Kerajaan berancang untuk memberi tapak baru bagi Ibu Pejabat Polis Di Raja (Kontinjen) Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Malia Dato' Yang Dipertua, kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman ada mempunyai cadangan untuk memberi tapak baru bagi Ibu Pejabat Polis Di Raja (Kontinjen) Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah kerajaan telah mengenal pasti lokasi yang sesuai dan apa pula cadangan dengan premis yang sedia ada.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Malia Dato' Yang Dipertua kajian dan rundingan sedang dibuat, janya belum pasti.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Tidakkah Pengerusi Kerajaan Tempatan sedar bahawa MPKT telah pun mempunyai pelan baginya.

9 September 1996

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua pelan satu hal, persetujuan Polis Di Raja satu hal yang lain dan kedua-dua pihak harus merundingkannya tentang persetujuan tapak yang sebenar dan juga kesesuaian perancangan kerajaan sendiri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan saya sama ada dia atau tidak sedar itu saja.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bila saya jawab tu sedarlah, tak sedar nak jawab guana.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan yang ketiga Dato' Yang Dipertua, kalau dia sedar:

Tidakkah MPKT bercadang mengadakan penutup atau pagar kepada longkang-longkang besar dalam kawasan perumahan seperti Jalan Sultan Omar dan di antara Jalan Sultan Mohamad dan Jalan Pintasan, Gong Kapas dan lain-lain.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pelaksanaan longkang-longkang besar yang dinyatakan, longkang lagi - adalah dinyatakan di bawah 'Package DC2B' dan sedang di peringkat akhir pelaksanaan dan belum diserahkan lagi oleh kontraktor kepada MPKT, cuma 97% siap. Rekabentuk longkang tersebut yang disediakan oleh pihak Perunding tidak memasukkan keperluan penutup atau pagar dalam dokumen kontrak yang ditawarkan. Bagaimana pun MPKT menyedari hakikat ini dan sedang buat kajian di mana-mana kawasan yang diperlukan pagar untuk keselamatan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Selain daripada usaha untuk mengadakan dan saya ucapkan terima kasih, bolehkah kerajaan memberikan suatu keutamaan kerana keselamatannya sungguh membimbangkan, yang pertama. Yang kedua, Yang Berhormat Setiausaha Pelancong, saya setuju Tahun Melawat Negeri Terengganu dah hampir kerana longkang-longkang ini pun satu pemandangan yang sungguh menarik dengan kekotoran-kekotoran yang sedia ada.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Insya Allah soal keselamatan diberi keutamaan dan begitu juga soal kebersihan diberikan tumpuan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Harun Taib.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan pertama:

9 September 1996

Nyatakan ekuiti Kerajaan Negeri dalam Syarikat Gunawan Steel dan kemajuan projek hingga setakat ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat, Dato' Yang Dipertua pada menjawab soalan Yang Berhormat itu yang mahu tahu ekuiti Kerajaan Negeri dalam Syarikat Gunawan Steel dan kemajuan projek sehingga ini, saya suka memaklumkan yang pertama sekali ekuiti Kerajaan dalam Syarikat Gunawan Iron and Steel ialah 22.5%. Kemajuan projek sehingga setakat ini adalah seperti berikut, iaitu projek mengandungi dua fasa: Pertama sekali kilang untuk mengeluarkan plate iaitu 'Plate Mill' yang akan mengeluarkan 'steel sheets' dan kilang ini telah siap dibina pada masa ini dan sedang menjangani ujian mesin iaitu pada tahap 'commissioning'. Pengeluaran secara komersil steel sheet daripada Kilang Plate Mill ini dijangka akan bermula dengan seberapa yang singkat. Pada masa yang singkat Dato' Yang dipertua.

Yang keduanya, peringkat yang kedua atau pun komponen yang kedua projek ini ialah kilang 'Blast Furnance' dan 'Steel Making' untuk pengeluaran 'steel slabs' iaitu steel slabs ini akan digunakan kemudian untuk mengeluarkan 'steel sheets' dan kerja-kerja pembinaan kilang ini dijangka dimulakan pada akhir tahun ini. Pada masa ini kerja-kerja 'mobilization' atau pun mobilisasi, pemunggaran jentera-jentera sedang berjalan daripada Austria dan jugak Hollan<sup>2</sup> ke Pelabuhan Kemaman, Terengganu.

Sekian Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, apakah kerajaan mengenal pasti bahawa apabila syarikat ini beroperasi sepenuhnya bahawa ia akan mewujudkan suatu persaingan dengan Syarikat Perwaja Steel. Kita tahu Syarikat Perwaja hari ini telah mengalami satu kerugian yang besar.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pada menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menjelaskan bahawa pada peringkat negara Kerajaan Persekutuan memang ada satu dasar yang dipanggil dasar 'rasionalisasi' industri besi di negara ini dan di bawah dasar ini kerajaan telah mengenal pasti berapa banyakkah, apa-apa jeniskah kilang-kilang besi dan apakah jenis barang-barang keluaran besi yang diperlukan oleh negara untuk pasaran dalam negara dan jugak untuk pasaran eksport. Oleh kerana itu, persoalan bersaing atau bertindih, bertindangnya kilang Gunawan Iron and Steel dengan Perwaja atau pun apa-apa kilang besi yang ada yang mengeluarkan berbagai-bagai peringkat dan jenis barang, barang besi sama ada peringkat hiran atau pun hulu atau pun pertengahan sudah pun dikaji. Dato' Yang Dipertua, saya suka memaklumkan jugak sebagai menguatkan penjelasan saya dan menyelesaikan kebimbangan oleh Yang Berhormat itu bahawa kilang ini sudah dilesekan untuk 85% produk yang akan dikeluarkan untuk pasaran luar negara terutamanya di 'Tenggara Asia dan jugak di Far East, Timur Jauh, Dato' Yang Dipertua.

9 September 1996

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Kerajaan Terengganu juga mempunyai 19% ekuiti dalam Perwaja Steel dan pengalaman dengan Perwaja Steel yang jatuh, bangun dan tumbang hampir lengkap. Apakah suara atau pun partisipasi yang boleh menjuruskan kepada pembetulan penguasaan, pentadbiran dan pengurusan syarikat yang ada kepada kerajaan dengan 22.5% itu supaya pengurusan tidak akan berlaku seperti mana yang berlaku kepada Perwaja Steel yang saya percaya Kerajaan Terengganu juga tidak berpuas hati dan mempersoalkan banyak ke atas perlantikan bekas Pengarah Urusan, bekas drebar lori pada Perwaja Steel.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, itu pandangan Ahli Yang Berhormat itu sendiri Dato' Yang Dipertua. Suka dialah, dia nak kata macam mana. Dato' Yang Dipertua pada menjelaskan persoalan ini, suka saya menyatakan iaitu pertama sekali persoalan Perwaja itu, soalan-soalan yang lain saya tidak dapat menjelaskan. Soal bagaimanakah syarikat yang baru ini Gunawan Iron and Steel yang dibimbangkan soal pengurusannya itu, Kerajaan Negeri yakinlah menaruh keyakinan kalau tidak, tidak menyertai bahawa syarikat ini yang mempunyai pengalaman Syarikat Gunawan Iron and Steel adalah sebuah syarikat yang sudah establish di Indonesia, yang sudah mempunyai beberapa kilang-kilang besi yang sudah pun berniaga dan menguasai sebahagian daripada pasaran dunia dan mempunyai rekod perniagaan yang menguntungkan. Janganlah kita menaruh kebimbangan oleh kerana perkara ini belum lagi berjalan. Jadi tak usah bimbang dululah, dok lagi. Jangan taruh buruk sangka. Jadi kedudukan penyertaan kita ini sudah pun terkaji dan kita mempunyai keyakinan Gunawan Iron and Steel akan dapat meneruskan perniagaan mereka ini dengan baik dan kita pun berharap akan menumpang keuntungan daripada perniagaan mereka. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Kita tidak menafikan pengalaman syarikat sebagaimana yang didakwakan. Tetapi kita jugak ingin tahu setakat mana penglibatan kerajaan di dalam pengurusan dan pengawasan syarikat ini sehingga peristiwa yang sama seperti berlakunya kepada Perwaja Steel tidak berlaku ke atas kerajaan negeri yang mana wang ini adalah daripada Tabung Amanah Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Sebahagian soalan anggapan dan hujah. Sebagaimana biasa untuk menjaga kepentingan, untuk menjaga dan mewakili kepentingan negeri sebagaimana biasa kita meletakkan wakil di dalam Lembaga Pengarah dan pengurusan itu diuruskan oleh pengurusan syarikat yang sudah tentulah akan mengandungi anak-anak tempatan dan sebagainya. Kita berharap bahawa pengurusan yang terdiri daripada anak-anak tempatan Terengganu sendiri akan menguruskan syarikat ini dan menjaga kepentingan syarikat ini khususnya kepentingan negeri dengan sebaik-baiknya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua - Persoalan yang dikemukakan tadi, penjelasan yang dikehendakinya ialah seperti mana yang kita lihat di dalam penyusunan semula Perwaja Steel seolah-olah kerajaan Terengganu langsung tidak ada suara bagi 19% ekuiti yang ada di dalam penyusunan semula tadi sedangkan dikatakan bahawa hak kerajaan masih ada. Dan inilah yang

9 September 1996

kita bertanya sama ada, dan sejauh manakah suara yang kita diberi di dalam milikan ekuiti 22.5% itu bagi menentukan arah pengurusan yang betul.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN** (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, prinsipnya sudah ada suara kita mewakili 'the proportion of our share holding to that extend' dalam bahasa Inggeris. Kita harap wakil kita akan jaga kepentingan kita Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG** (Wakil Batu Burak): Saya tanya Dato' Yang Dipertua kerana 19% tu kita tahu 'minority share' yang melenyapkan langsung di dalam penyusunan yang dibuat pada Perwaja Steel. Dan 22.5% jugak adalah 'minority share'.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN** (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, Perwaja adalah soalan yang lain. Bagi menjawab dan menjelaskan lagi pada masa ini 22% yang kita pegang dalam Cunawan Iron and Steel, ini adalah ekuiti yang berbentuk 'capitalization of' tuah. Kita berhasrat pada masa yang akan datang, setelah memerhati keadaan, mengawasi perjalanan kalau ianya berjalan baik, menguntungkan, kita akan menambahkan lagi saham kita. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB** (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua:

Apakah rancangan pihak Kerajaan dalam membangunkan Pulau-pulau di muara Sungai Terengganu

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID** (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Dipertua, kerajaan sedang membuat kajian bagi membangunkan pulau-pulau di muara Sungai Terengganu.

**YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB** (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, setakat ini sejauh manakah pencapaian kajian.

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID** (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri sedang menyediakan TOR dengan izin 'Terms Of Reference' tentang pembangunan pulau-pulau ini. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB** (Wakil Manir) Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tiga:

Berapakah kos projek bagi membenteng Pantai Tanjung dan sejauh manakah kemajuan projek tersebut setakat ini.

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID** (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kos bagi membenteng Pantai Tanjung ialah RM1,087,000 iaitu dengan menggunakan batu dan geotextile. Projek ini telah siap dibuat pada tahun 1990. Terima kasih.

9 September 1996

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Tambahkan Dato' Yang Dipertua, apakah nasib kepada benteng ini?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tidak berapa dengar, sekali lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Apakah nasib kepada benteng yang dibina ini?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Nasibnya lebih baik daripada sebelumnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Benteng ini dah hilang dok, betul ke?.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dok hilang pun Dato' Yang Dipertua, ada molek.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama:

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri untuk menghalang remaja belasan tahun dari memasuki premis-premis perjudian.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Dipertua, Majlis Daerah-daerah telah mengambil tindakan dan diarah mengambil tindakan supaya memperkuatkan langkah-langkah kawalan di pusat-pusat yang terdapat di dalam negeri.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):  
Jawapannya tidak berapa dengar tadi.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, Majlis Tempatan, Majlis Daerah telah pun diarahkan oleh kerajaan supaya memperkuatkan langkah-langkah kawalan di pusat-pusat yang berkenaan supaya dapat kita mengelak daripada terjadi perkara-perkara yang kita nak cegah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Tambahkan Dato' Yang Dipertua - Adakah penguatkuasa daripada Jabatan Hal Ehwal Agama yang agaknya lebih kenal judi tak judi ni terlibat sama.

9 September 1996

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR** (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, kumpulan yang mengambil tindakan ini terdiri daripada berbagai-bagai unit pentadbiran yang dipanggil dan dijemput bila tiba masanya atas arahan pihak yang berkuasa.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG** (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua untuk langkah yang lebih berkesan, apakah pihak kerajaan dapat mengetahui berapakah jumlah premis-premis perjudian yang diberi lesen dan yang tidak diberi lesen?

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR** (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini supaya perjudian akan dapat dihapuskan dengan cara yang berkesan. Dan langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan ini bukan hanya sekadar mengenakan tindakan ke atas mereka yang melanggar peraturan tetapi langkah pendidikan seperti yang diajar oleh Islam kita ambil kira iaitu seperti langkah bimbingan yang pernah saya sebutkan di dalam Dewan ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, iaitu langkah membimbing, langkah menyeru, langkah mencegah dan langkah menghukum mengikut tertib.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG** (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, persoalan saya tidak terjawab. Saya tanya berapakah jumlah premis-premis perjudian yang diberi lesen oleh kerajaan dan yang tidak diberi lesen, itu saja.

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR** (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, saya tidak bercadang untuk menyebutkan perkara ini dan ini diberikan secara bertulis.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG** (Wakil Batu Burck): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua - Adakah Exco berkenaan sedar satu ketika ada kelihatan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama dipasang, tetapi kemasukan pembelian tidak nampak juga berkurangan. Dan sekarang ini tidak ada lagi pegawai-pegawai itu. Adakah kerajaan sedar ini?

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR** (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, saya belum mendapat laporan mengenai perkara itu.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG** (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua ditolak maka soalan yang ketiga:

Apakah Kerajaan mengenai pasti sebab-sebab kegagalan di dalam operasi mencegah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negeri ini.

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID** (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tidak ada kegagalan dalam operasi mencegah pengedaran dan penyalahgunaan dadah. Terima kasih.



9 September 1996

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan yang memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat di dalam menangani masalah dadah ini untuk memasukkan kesalahan yang berkait dengan pengedaran dadah dan penyalahgunaannya ke dalam kesalahan Jenayah Syariah yang diberi kuasa kepada bidang kerajaan negeri.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, persoalan undang-undang ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, di bawah Akta Dadah Berbahaya dan sebagainya. Jadi kita terikat dengan Akta tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Abli-abli yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 11.05.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI.

9 September 1996

BUKUL 11.10 PAGI

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat sambung semula.

**PERLANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA**

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah memberitahu kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu bahawa satu kekosongan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu telah berlaku. Kekosongan ini ialah disebabkan tamatnya tempoh perkhidmatan Yang Berhormat Senator Salleh @ Hassan Ali pada 25 April 1996 yang lepas dan meminta supaya dipilih seorang Ahli Dewan Negara yang baru.

Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan supaya diadakan pemilihan seorang Ahli Dewan Negara dalam persidangan Dewan Negeri bagi memenuhi kekosongan itu. Oleh itu Dewan Undangan Negeri Terengganu dikehendaki memilih seorang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45(1)(a) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh. Maka saya dengan segala hormatnya mempersilakan Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju memilih Haji Salleh @ Hassan bin Ali sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45(1)(a) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai dengan calon yang saya kemukakan untuk mewakili Dewan Negeri ini ke Dewan Negara.

Haji Salleh @ Hassan bin Ali kini berusia 48 tahun. Sepanjang usianya, Haji Salleh @ Hassan telah menjalani kehidupan yang penuh berliku dan mencabar. Semasa di bangku persekolahan waktu menduduki tingkatan dua di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Salleh @ Hassan bin Ali terpaksa meninggalkan alam persekolahannya kerana kemiskinan keluarga. Salleh @ Hassan terpaksa berkorban kerana memberi laluan persekolahan untuk kakaknya. Salleh @ Hassan terus berkecimpung di dalam lapangan pekerjaan, walau pun usianya masih muda. Pekerjaan Salleh atau Hassan silih bertukar ganti, bekerja sendiri, menjadi pekerja, berniaga dan beberapa pekerjaan lagi telah diceburi. Menyedari kejadian ini dan keadaan bangsanya terutama sekali yang sekeliling dan setempat serta pengalaman pahit tentang kemiskinan yang meragut peluangnya untuk meneruskan pelajaran, Salleh @ Hassan telah menamatkan hasrat untuk memperbaiki diri dan sekali gus berazam untuk memperjuangkan nasib orang-orang sepertinya.

9 September 1996

Justeru itu beliau telah melibatkan diri secara terus untuk menyemarak obor-obor perjuangannya. Ia menganggotai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO. Beliau bergiat dalam badan sukarela, sosial dan pendidikan tanpa rasa jemu beliau bekerja terus. Dalam UMNO, Salleh @ Hassan telah memegang berbagai jawatan. Beliau pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kuala Nerus, Naib Ketua Pemuda UMNO Negeri Terengganu, Setiausaha UMNO Bahagian Hulu Nerus, Naib Pengerusi Gerakan Belia 4B Kawasan Kuala Nerus, Setiausaha UMNO Bahagian Kuala Nerus, Ahli Majlis Sukan Pemuda UMNO Malaysia, Ahli Biro Antarabangsa Pemuda UMNO Malaysia, Ahli Biro Kemiskinan Pemuda UMNO Malaysia, Setiausaha Pemuda UMNO Bahagian Hulu Nerus, Setiausaha Penerangan UMNO Negeri Terengganu, Pegawai Perhubungan Jawatankuasa Kerjasama UMNO Kelantan - Terengganu, Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Nerus, Ketua UMNO Cawangan Kolam, Mengabang Telipot, Timbalan Pengerusi Penyelaras UMNO DUN Tepoh, Pengerusi Operasi UMNO Bahagian Kuala Nerus. Manakala kegiatan dalam badan sukarela beliau pernah menjadi Exco Gerakan Belia 4B Malaysia Negeri Terengganu, Pengerusi Gerakan Belia 4B Malaysia Kawasan Hulu Nerus, Naib Pengerusi PIBG Sekolah Kebangsaan Mengabang Telipot, AJK PIBG Sekolah Menengah Agama Khairiah, AJK PIBG Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggul, AJK Masjid Mengabang Telipot dan Ahli Jemaah Pengarah Peladang Maras/Batu Rakit.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekianlah serba sedikit latar belakang beliau dan beliau telah memberi kesanggupan menerima jawatan ini sekiranya beliau dipilih oleh Dewan yang mulia yang bersidang pada pagi ini.

Sekian saya mencadangkan, terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggul):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

**YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya sukacita mengisytiharkan bahawa Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali dipilih menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mengisi kekosongan itu.

9 September 1996

**USUL YANG DIBERI NOTIS**

**Anggaran Bekalan Air (Tambahan) Bil. 1/1996**  
**Perbelanjaan 1996**

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan-

Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1996, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju, meluluskan peruntukan tambahan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 1996 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:

**JADUAL**

<u>Maksud</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Perbelanjaan</u> <u>Negeri</u>	<u>Jumlah</u>
B.33	Pengurusan Bekalan Air	RM136,000.00	RM136,000.00

YANG BERTHORMAT ENCIK LUKUMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah mendapat sokongan dan sekarang saya buka untuk perbahasan.

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, saya bangun Dato' Yang Dipertua untuk nak menyokong permintaan tambahan, peruntukan tambahan di bawah bekalan air ini. Selain daripada nak menyokong permintaan tambahan peruntukan ini saya nak bangkit sedikit pasal masalah bekalan air di Ladang Pinang Mas, Bukit Besi.

Dato' Yang Dipertua, Ladang Pinang Mas dibuka dalam tahun 1970. Keluasan ladang ini ialah 3,678.34 hektar. Penduduk di sana sekarang ini ialah 587 terdiri daripada 327 orang lelaki dan 260 orang perempuan. Status sosial penduduk terdiri daripada pegawai 18 orang, buruh 454 orang, pelajar atau anak-anak sekolah 56 orang yang terdiri daripada sekolah rendah 39 orang, yang bersekolah di Sekolah Rendah Padang Pulut dan sekolah menengah 17 orang di Sekolah Menengah Padang Pulut. Kemudahan asas di Ladang Gajah Mati ini Dato' Yang Dipertua,

boleh dikatakan ada semua, kedai makan ada satu unit, kedai runcit ada satu unit, dewan pun ada satu unit, rumah pengasuh kanak-kanak ada satu unit, masjid ada, rumah TABIKA pun ada, klinik ada, bangunan pejabat ada, bengkel pun ada, rumah Pengurus ada satu unit, rumah Penolong Pengurus ada 4 unit, rumah pegawai ada 18 unit dan rumah untuk pekerja-pekerja ada 200 unit. Dato' Yang Dipertua, bekalan api ada disupply oleh TNB, jalan masuk dari jalan besar Dungun ke Jerangau, ada jalan tar lebih kurang 3 kilometer. Tinggal lagi Dato' Yang Dipertua, bekalan air di ladang ini sehingga sekarang tidak ada. Maksudnya bekalan air yang dibekalkan oleh Jabatan Bekalan Air. Penduduk di ladang sekarang ini hanya mendapat air daripada punca telaga yang tidak disinetari, yang baunya, warnanya lain daripada air-air yang dibekalkan oleh Jabatan Bekalan Air. Air mengandungi pram dan menganis yang tinggi. Rawatan air dengan kapur dan klorin amat sedikit. Bekalan pada satu waktu dulu diberi hanya 3 jam sehari dan sekarang sudah pun ditambah. Satu kajian sudah dibuat Dato' Yang Dipertua, hasil daripada air yang tidak bersih ini orang di situ, di Ladang Gajah Mati, di Ladang Pinang Mas ini mendapat penyakit AGE lebih daripada penduduk-penduduk luar daripada Pinang Mas ini. AGE ialah 'Aqute Grow Entertaitis' maknanya ceret beret. Kalau nak jelas lagi tanya Yang Berhormat Rhu Rendang sebab dia ada penasihat, Doktor. Dato' Yang Dipertua, sorry. Dato' Yang Dipertua, kajian yang dibuat ini 1,000 orang yang diperiksa di Ladang Gajah Mati, di Ladang Pinang Mas didapati 108 orang yang mengidap sakit ini, AGE tadi. Manakala 6,000 orang ...

**YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tidak berapa dengar, ladang apa tadi? Ladang mati ke ladang hidup? Ladang orang sakit ramai, ladang benda.

**YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi):** Ladang Pinang Mas Dato' Yang Dipertua, bukan Gajah Mati. Kalau Gajah Mati tu bukan kerana sakit ni, sakit lain. Dato' Yang Dipertua, di luar daripada Ladang Pinang Mas, kajian dibuat kepada 6,000 orang didapati hanya kumpulan 1,000 orang, 25 orang saja yang dapat penyakit ini. Ini menunjukkan kesan daripada air tidak bersih yang berlaku di Ladang Pinang Mas ini memang serius. Dato' Yang Dipertua, percubaan kita untuk mendapat bekalan air daripada Jabatan Bekalan Air dibuat sejak tahun 90 lagi. Dimana silap, entah salah ibu mengandungi kita tidak tahu tapi air sampai sekarang belum dibekalkan. Terbaharu Dato' Yang Dipertua, dalam bulan Februari tahun ini menerusi Pejabat Daerah dan Pejabat Air di daerah Dungun kita majukan satu permohonan lain untuk dibekalkan bekalan air ini. Tetapi kelmarin, apabila kita bermesyuarat di Dungun kita dapati jawapan daripada Pejabat Bekalan Air yang menerima salinan surat daripada Kementerian Luar Bandar tidak lulus bekalan air ini kerana ladang ini besar. Yang diberi oleh Jabatan Bekalan Air Luar Bandar hanyalah ladang yang ke bawah daripada 1,000 hektar. Oleh kerana ladang Pinang Mas ini menjangkau 3,000 hektar, dia kata ladang ini mampu untuk mengadakan airnya sendiri. Jadi peruntukannya Dato' Yang Dipertua, tak banyak dalam RM175,000.00 saja, saya dah berkira dengan Pegawai di Pejabat Bekalan Air di Dungun tetapi tak diluluskan jugak. Oleh yang demikian Dato' Yang Dipertua, saya memohonlah kepada kerajaan negeri dapat apa jua kiranya memperuntukkan bukan kalau tak dalam sesi ini pun, memperuntukkan daripada perbelanjaan negeri kepada penduduk-penduduk di Ladang Pinang

9 September 1996

Mas ini supaya penduduk-penduduk sana menjadi sihat, boleh mendukung Wawasan Sihat yang kita akan menjadi landasan kepada Wawasan 2020 Negara, Dato' Yang Dipertua.

Saya mohon menyokong, terima kasih.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

**USUL INI DITERIMA.**

9 September 1996

**RANG UNDANG-UNDANG**

**ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1996)(NO. 1) 1996**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang  
bernama suatu Enakmen Bagi Menggunakan sejumlah Wang daripada Kumpulan Wang  
Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi  
memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, bagi tahun yang tersebut itu  
dibaca bagi kali yang pertama. Wang tersebut itu adalah peruntukan bagi maksud yang  
dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL  
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan Kepada Maksud (RM)
B.04	- Pejabat Kewangan Negeri	500,000.00
B.05	- Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	57,000.00
B.07	- Pejabat Merinyu Galian	11,500.00
B.08	- Pejabat Hal Ehwal Agama	180,000.00
B.10	- Jabatan Kerja Raya Negeri	232,989.53
B.11	- Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	1,219,500.00
B.12	- Pejabat Daerah Besut	335,000.00
B.14	- Pejabat Daerah Hulu Terengganu	343,000.00
B.17	- Pejabat Daerah Marang	281,250.00
B.18	- Pejabat Daerah Setiu	118,700.00
B.26	- Pejabat Tanah Setiu	27,000.00
B.27	- Jabatan Kehakiman Syariah	292,800.00
B.31	- Jabatan Pertanian Negeri	1,728,350.00
B.32	- Peibagai Perkhidmatan	4,700,000.00

---

JUMLAH: RM10,027,089.53

---

9 September 1996

Keterangan lanjutnya bolehlah dibaca daripada Lampiran A. Dan saya suka menarik perhatian, seperti yang telah diletakkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat satu pembetulan dalam Lampiran A muka surat 2. Saya mohon mencadangkan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1996 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU, BAGI TAHUN YANG TERSEBUT ITU DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 1) 1996 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuannya ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam Negeri dalam tahun 1996 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (1996) 1995.

Implikasi kewangannya Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamulailah warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk membahaskan Rang Enakmen Perbekalan Tambahan 1996 dalam butiran B.32 iaitu Pelbagai Perkhidmatan berjumlah RM4,700,000.00. Dari jumlah ini dinyatakan RM3,500,000.00 adalah bagi tujuan menggalak pelancongan iaitu aktiviti promosi serta program Tahun Melawat Terengganu 1997. Jumlah peruntukan ini Dato' Yang Dipertua, mungkin sebahagiannya telah pun, mungkin sebahagian kalau pun tidak kesemuanya telah dibelanjakan kerana pihak kerajaan mempunyai majoriti di



Dewan ini. Jumlahnya saya fikir tidaklah kecil bagi tujuan yang dinyatakan tadi. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pokok persoalan hendak dibangkitkan di sini ialah bukan semata-mata dari segi jumlah kerana kalau pun jumlahnya besar tetapi dalam kemampuan kita dan menjadi keutamaan, ia tidak menjadi masalah. Tetapi yang dipersoalkan di sini Dato' Yang Dipertua ialah adakah perbelanjaan sebesar itu benar-benar diperlukan dalam konteks pelancongan dan memberi kesan yang baik dalam mendidik masyarakat. Saya bimbang Dato' Yang Dipertua, kalau dikatakan promosi pelancongan itu termasuk perbelanjaan umpamanya menjemput kumpulan rock seperti yang berlaku pada Pesta Main Pantai baru-baru ini dimana anak-anak muda kita lelaki perempuan melepaskan gian mereka, menari sesuka hati. Promosi semacam ini Dato' Yang Dipertua, akan melahirkan budaya dan cara hidup berseronok dalam masyarakat kita dan akan memberikan kesan yang negatif. Apatah lagi dalam falsafah Kebudayaan Nasional sendiri pun antara yang penting disebutkan ialah Islam mestilah menjadi teras dalam kebudayaan selain daripada mana-mana kebudayaan lain, mana-mana unsur yang lain yang sesuai boleh diserapkan. Saya sebagaimana rakan-rakan lain tidaklah menentang usaha kerajaan bagi menarik pelancong-pelancong sama ada dalam atau pun luar negeri datang beramai-ramai ke negeri kita kerana ia akan mendatangkan hasil kepada negeri kita ini. Tetapi di sebalik itu, yang pentingnya bukan saja soal duit tetapi kita hendak dedahkan cara hidup masyarakat kita yang baik dan mereka boleh tumpang manfaat sama. Tetapi kalau kita promosikan tidak lebih daripada apa yang sudah mereka lihat, dengar dan rasa bahkan lebih hebat lagi, tidak ada bezanya promosi kita dengan tempat-tempat yang lain nampak sangat kita ini tidak ada idea atau pun tidak kreatif dalam membina budaya kita sendiri yang semestinya berteraskan Islam.

Satu perkara lagi Yang Dipertua, dalam keghairahan kita menganjurkan promosi Tahun Melawat Terengganu jangan pula perbelanjaan yang dibuat tidak memberi keutamaan kepada penduduk tempatan. Sebagai contoh, penduduk di Pulau Redang yang sudah sekian lama tidak mendapat bekalan air yang mencukupi, tiba-tiba kerana hendak meraikan golongan korporat yang terlibat dalam projek pelancongan baru kita hendak memulakan projek bekalan air secara besar-besaran melalui paip di dasar laut. Ini belum lagi dikira soal-soal kemudahan lain penduduk pulau tersebut yang sepatutnya sudah lama diberikan perhatian. Saya tidak sempat untuk membincangkan perkara ini dalam soalan lisan tadi. Begitulah jugak perkara-perkara yang lain yang seharusnya diberikan perhatian dan saya tidak berpuas hati dengan jawapan yang disebutkan tadi masalah muara sungai yang cetek di beberapa tempat di Marang, di Besut; masalah jeti yang sampai sekarang ini masih lagi di atas darat, tunggu nak rapat ke tepi dan kalau di Pulau Kapas air pasang baru boleh belayar. Ini semua merupakan perkara-perkara yang patut diberikan perhatian.

Yang akhir sekali Dato' Yang Dipertua, sebagaimana mudahnya kita memohon kelulusan perbelanjaan tambahan ini dalam soal pelancongan biarlah kita seimbang dalam memberikan perhatian kepada perbelanjaan yang lain, umpamanya dalam soal pendidikan. Saya merasa sangat sedih Dato' Yang Dipertua, melihat bagaimana zalimnya pihak Yayasan Terengganu menarik balik pinjaman ke atas sejumlah pelajar-pelajar Universiti Al-Azhar. Walau pun pelajaran mereka cemerlang, tetapi atas alasan hanya semata-mata kerana mereka terlibat dalam kegiatan Persatuan Pelajar (PEMERAM) yang diiktiraf oleh kerajaan Mesir sebagai Persatuan yang sah. Hanya kerana pihak kerajaan tidak dapat menguasai Persatuan ini dan bimbang mereka memberikan sokongan kepada parti pembangkang. Atas dosa itu mereka dianiaya dan

9 September 1996

tindakan ini sedikit sebanyak menjejaskan pembelajaran mereka. Ini merupakan tindakan yang tidak gentlemen dan saya kira tidak semua kerajaan negeri bertindak sebagaimana kerajaan Negeri Terengganu ini. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, para hadirin sekalian. Assalamualaikum warahmatulahi wabarokatuh.

Saya ingin mengambil bahagian sedikit di dalam membahaskan Rang Enakmen Perbekalan Tambahan 1996 ini dalam beberapa perkara. Pertamanya perkara yang telah disebut oleh saudara saya tadi wakil daripada Alur Limbat berkaitan dengan apa nama ni, RM4.7 juta. RM1.2 juta adalah untuk Latihan Sukan di Pahang, itu jelas. Tapi RM3.5 juta lagi itu terlalu umum kegiatan dan aktiviti untuk menarik pelancong sempena Tahun Melawat Terengganu 1997 ini. Jadi satu perkara yang menarik di dalam perkembangan dunia hari ini adalah salah satu daripada sumber pendapatan dan ekonomi negara adalah ditumpukan kepada pelancongan untuk dapat wang asing, untuk datang, wang asing datang atau pun datang ke negara kita ini ialah pelancong. Saya ingin menarik perhatian dan ingin minta penjelasanlah daripada pihak kerajaan sama ada Pengerusi Pelancongan atau siapa jugak jenis-jenis kegiatan yang dibuat yang memerlukan perbelanjaan yang begitu banyak untuk menarik para pelancong supaya datang seramai dan sebanyak mungkin ke Negeri Terengganu ini. Sekarang ini pun kita sudah melihat banyak perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengan pelancongan ini, rumah-rumah tumpangan, chalet dan sebagainya yang diusahakan oleh anak-anak tempatan dan jugak yang diusahakan oleh kerajaan di dalam usaha menampung keperluan apa nama ni, para pelancong yang datang ke negeri ini berdasarkan kepada peringkat dan kedudukan masing-masing. Dan keindahan alam semula jadi di Negeri Terengganu ini adalah satu perkara yang menarik juga oleh kerana itu suatu persoalan timbul peruntukan yang sebanyak itu untuk apa? Untuk lebih menjadikan Negeri Terengganu ini lebih menarik atau lebih menawan hati para pelancong yang datang ke negara kita Malaysia ini. Mungkin banyak projek-projek atau pun usaha-usaha yang dilakukan di luar negara, umpamanya mungkin Jawatankuasa Pelancongan terpaksa pergi ke Singapura membuat pertunjukan, membuat tayangan, membuat apa dan sebagainya dan ini juga mungkin memerlukan perbelanjaan; dan kadang-kadang dalam program ini bermacam-macam pertunjukan kemungkinan berlaku. Jadi kalau pertunjukan umpamanya untuk menghidupkan semula budaya-budaya lama orang Melayu, memang ramai saya nampak sekarang ini pihak kerajaan sangat tertarik dengan budaya-budaya lama, main Mak Yong, mungkin Negeri Terengganu dok ramai oh Mak Yong ni. Rodat - Rodat takdok bunyi lama dah mungkin nak perhidup balik, main gasing. Kemudian dan mungkin yang jadi apa ni, tarikan kepada para pemimpin jugak, pemimpin kerajaan negeri ini ada satu tarian lama jugak dia panggil Ulek Mayam. Ulek Mayam ni, saya dengar ceritalah tidak rajin tengok sebab baru .....

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT' GHAZALIE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap):** Dato' Yang Dipertua, Ulek Mayang, bukan Ulek Mayam. Ulek Mayang.

**YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Eja guana?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT' GHAZALIE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap):** Ulek Mayang.

9 September 1996

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Doh eja guana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): M-a-y-a-n-g.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pelat Terengganu sikit. Jadi orang Terengganu ni kalau ikan, dia kata ikang (ketawa) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Mayam tu, Putu Mayam.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa. Jadi Ulek Mayang. Eja guana? Mayang. .... Jadi apakah maknanya di antara perbelanjaan ini, peruntukan ini dibelanja untuk apa ni, kerja menayangkan tari-tarian yang seperti itu. Saya percayalah maknanya kerajaan Negeri Terengganu, pemimpinya suka tarian ni. Ini bukan saya teorilah, saya praktikal satu kali saya hadir satu majlis pelancaran buku, Bukit Puteri nama buku. Jadi saya ni tengok sedap apa nama ni, pelancaran buku saya pun jenis minat membaca jugak, saya hadir. Lepas pelancaran buku tu, ada benda lain pulak, fasal dalam buku dia tunjuk dalam bentuk praktikal. Alhamdulillah, saya tidak sempat tengok kerana ada kerja di luar, kalau tidak pun saya tertarik dengan Ulek Mayang jugak. Jadi saya ni dalam keadaan apa nama ni serba salah, dalam waktu kerajaan nak menerapkan nilai-nilai Islam, hendak mempekenalkan budaya Islam tiba-tiba dia tunjuk budaya macam ni. Ini jugak budaya Islam atau pun budaya yang tidak Islam serba salah. Exco Bahagian Hal Ehwal Agama barangkali dia boleh terang mungkin ini budya Islam jugak. Tetapi saya tak tahu tu saya bertanya saja. Dan saya pun jugak tertikir kadang-kadang, betulkah kerajaan nak buat suatu pembangunan yang seimbang atau pun pembangunan yang dalam bahasa orang Perlisnya 'sama naik' atau orang Pulau Pinang kata 'summer night', maksiat naik - masjid naik. Kelab malam naik - surau naik. Itu 'sama naik' bahasa Perlis. Jadi kalau ikut bahasa Perlis ni berat, dia sama naik, maksiat naik - masjid naik, maksiat naik - masjid naik. Jadi, kalau itu bahasa Perlis digunakan kepada makna perimbangan maka berlakulah apa yang berlaku Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Jadi oleh sebab itu, kita sekarang ini kalau kita bercakap Terengganu Darul Iman tentu kita ada asas. Kalau kita nak tarik pelancong pun, kita perkenal apa kepada pelancong. Kita orang Islam tentu kita boleh berfikir. Kalau dalam Islam, Quran kata:

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجْرُهُ حَتَّى  
يَسْمَعَ كَلِمَةَ اللَّهِ التَّوْبَةَ - 6

Jadi kalau orang asing nak mari, orang musrikim, orang tidak Islam nak melawat, nak melancong, nak meniaga, nak buat apa perusahaan di negeri kita, kita boleh terima dia:

فَأَجْرُهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلِمَةَ اللَّهِ

9 September 1996

Tapi prinsipnya, bukan saja nak tarik duit, nak tarik orang, nak tarik pendapatan, tetapi:

سبحان الله وبحمده  
والصلاة والسلام على  
سيدنا محمد وآله

Ada konsep dakwah, konsep nak perkenalkan Islam, nak perkenalkan iman kepada mereka tu. Tapi di sini, apa pelancong mahu kita boleh sedia. Nak rumah pelacur, kafaulah. Okay kita tidak sedia cara rasmi tapi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, ramai orang cerita kepada saya, terutama sekali usahawan-usahawan, usahawan hak muda, hak bawah, kelas-kelas bawah sikit nak dapat projek Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua cukup berat, kadang-kadang hak boleh doh kena tolak lagi sebab ada permintaan daripada orang-orang yang tertentu yang berkenaan ni, kalau nak dapat projek pertama, dia kata kalau mintak kereta boleh aaan lagi. Proton Saga ke, Perdana ke, nak Mercedes hak 220 E ke tapi yang dok tahan sanga' hati orang beriman dia mintak itu, mintak benda tu. Tak beri benda tu tolak balik. Ada kes, tapi tak banyak. Tapi berlaku dalam Negeri Terengganu jugak Darul Iman atau ada hubungkait jugak dengan Negeri Terengganu Darul Iman. Jadi dalam usaha nak menarik pelancong ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita jugak apa nama .....

**YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ (a) IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura):** Penjelasan Dato' Yang Dipertua, yang disebut Wakil Manir ni projek apa? Projek Pelancongan ke, projek apa? Dan dia sebut tuduhan tadi tu, nak sesuatu apa, balasan apa? Minta penjelasan. Mintak tu, mintak apa?

**YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang itu pun, saya tak pandai nak sebut Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Saya harap Dato' Yang Dipertua, izin saya tidak sebut. Saya harap Yang Dipertua izinkan saya tidak menyebut itu. Tapi saya nak tekankan bahawa konsep pelancongan harus dihubung dengan:

سبحان الله وبحمده  
والصلاة والسلام على  
سيدنا محمد وآله

**YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ (a) IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura):** Penjelasan Dato' Yang Dipertua, saya nak tahu hal projek, tuduhan yang dibangkitkan oleh Wakil Manir tadi ialah tak puas hati usahawan tempatan sini dari segi projek pelancongan. Saya nak projek apa yang kita tak beri kepada usahawan tempatan. Dan apa yang disebutkan tadi tu balasan apa?

**YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Banyak sangat Yang Dipertua. Banyak sangat Dato' Yang Dipertua, saya tak payah sebut, dia kata.

**YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ (a) IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura):** Kalau dia bertanggungjawab tuduhan begitu Yang Dipertua, dia kena sebut.

**YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya takboh sebut sini. Nak buat apa?

9 September 1996

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Kalau dok sebut, bermaknanya tu satu tuduhan saja.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu saya kata, saya takboh tuduh orang. Awak jawablah, kalau tak ada, tak adalah. Ini cara dia, Nabi pun kalau dia bercakap, dia kata "ada orang", ada orang dia tak sebut nama orang. Saya bercakap cara itu. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita kata Terengganu Darul Iman, kita bercakap baca Quran, kita bercakap baca Hadis nak tarik pelancongan kita bekalkan dengan perkara-perkara yang Islam tak beri. Kita belanja duit rakyat, kita pungut cukai pintu, orang tak bayar cukai pintu kena denda tapi bila boleh duit kita belanja dalam perkara yang memang tidak ada kena mengena dengan kehendak Islam, yang bercanggah dengan Islam. Kita bercakap soal budaya kuning masuk dalam negeri kita, kita bercakap soal penglibatan anak-anak muda kita dalam kancah, dalam perkara yang tidak baik kerana kemasukan pelabur-pelabur asing dalam negara kita ini. Dan berbagai-bagai aktiviti pelancongan yang kita buat untuk menarik pelancong, kemudian kita bercakap soal kemerosotan moral, kita bercakap soal penyalahgunaan dadah, kita bercakap itu, kita bercakap ini tetapi siapa yang melakukan? Kerajaan yang bertanggungjawab mengadakan bermacam program dan projek itu. Jadi itu RM4.7 juta, ada RM3.5 juta adalah bukan satu peruntukan yang kecil yang wang rakyat kita gunakan tetapi tidak sama sekali untuk apa nama ni, kepentingan agama kita. Yang kita tidak fikir bercanggah atau tidak bercanggah, kita tidak fikirkan masa depan anak-anak kita yang akan mewarisi negara ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya takboh panjang dah pelancongan, saya nak sebut sikit masalah pengairan dan saliran. Jadi sahabat saya daripada Bukit Besi dah bercakap, tapi saya nak bercakap saya nampak macam tidak ada ruang sebab tambahan RM136,000.00 tadi pun untuk membeli komputer. Dan bila saya baca ada RM1 juta lebih untuk tambahan pun untuk membayar elaun dan sebagainya. Saya mengucapkan tahniah kepada para pegawai-pegawai menerima elaun tambahan dan sebagainya. Saya hendak mengingatkan saudara saya Wakil daripada Telemong yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Kita dapati banyak kawasan-kawasan pedalaman yang sudah ada air tetapi tekanan airnya adalah terlalu rendah, terlalu merosot lebih-lebih lagi pada waktu Maghrib. Pada waktu Maghrib ni zaman orang hendak guna air banyak, hendak ambil air sembahyang, hendak mandi dan sebagainya. Pada waktu inilah berlaku penekanan air yang terlalu rendah yang saya harap ia akan dapat mengambil perhatian dalam perkara ini, Insyaa Allah.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, sila.

YANG BERHORMATHAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya hanyalah untuk mengambil masa sedikit sahaja tetapi saya rasa penting dalam permasalahan ini. Saya pernah acap kali menegur kerajaan yang memohon ASV ataupun permohonan tambahan ini dari segi konsep dan 'programming budgeting' dengan izin Dato' Yang Dipertua, daripada RM1 juta dinaikkan keperluan tambahan sebanyak RM3.5 juta menunjukkan bahawa di dalam kita merencana 'budgeting' kita, kita tidak mempunyai wawasan yang sempurna. Oleh itu dalam perkara-perkara yang seumpama ini saya ingin menegurkan

9 September 1996

supaya pihak penyiap 'budget' atau pun kewangan hendaklah lebih berhati-hati supaya ianya tidak menggambarkan perbelanjaan kita itu secara ad-hoc atau pun tergesa-gesa tanpa mempunyai kajian yang perinci bagi sesuatu itu.

Yang kedua Dato' Yang Dipertua sehubungan dengan pelancongan ini, kita perlu dan sampai tahap untuk memajukan sebagai antara satu sumber iaitulah sumber kewangan yang datang melalui pelancongan. Tetapi walau pun banyak dan besar faedah serta perolehan daripadanya hendaklah apa jua pembangunan dan khususnya pembangunan pelancongan ini tidak di atas penderitaan dan penganiayaan rakyat. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, di dalam kita memajukan, sekali lagi dengan izin saya sebutkan 'Ibai Golf Resort' kita telah membuka satu laluan khas kepada tempat rancangan pembangunan pelancongan itu. Dato' Yang Dipertua, kerana itu tak sampai pun 20 keluarga terpaksa dipunggah keluar dan hilang tempat kediaman mereka. Lot-lot perpindahan telah pun disediakan oleh kerajaan tetapi malangnya lot-lot perpindahan ini selain tidak digunakan sepenuhnya untuk keperluan mereka-mereka yang terlibat dengan perpindahan ianya juga menjadi suatu imbuan politik kepada penyokong-penyokong kerajaan 'at the expand of' dengan izin Dato' Yang Dipertua, orang-orang yang sepatutnya dan selayaknya menerima tapak lot perpindahan itu. Dan mereka-mereka yang terpaksa dipunggahkan dua minggu lepas masih lagi menumpang samalah seperti orang dilanda banjir dan gempa bumi. Jadi saya mengharap pihak yang berwajib, pihak yang berkuasa ketepilah buat seketika kerenah-kerenah politik di dalam memberi keadilan kerana kita mahukan pembangunan dan rakyat telah pun bersedia untuk punggah keluar tetapi berilah pertimbangan kemanusiaan yang mana pendatang asing tanpa izin pun kita memberi perlindungan dan perkhidmatan kebajikan. Dato' Yang Dipertua, tidak ramai mereka-mereka yang terlibat ini. Dan satu lagi nya ialah mereka-mereka yang terlibat juga bayaran yang dikenakan daripada RM4,000.00 satu lot seluas 3,000 kaki persegi lebih kurang telah pun dinaikkan sekali ganda kepada RM8,000.00 satu lot. Ini membebankan walau pun bayaran yang diberi kepada mereka-mereka yang terlibat sebagai pampasan tanah dan rumah tetapi untuk memunggah dan membina semula atau pun membina bangunan baru dan memperolehi tanah tapak baru ini suatu beban yang mendukacitakan kita dan akibat daripada itu juga rumah-rumah yang dibina tidak menggambarkan penuarikan kepada pelancongan yang hendak melawat negeri kita pada tahun hadapan.

Dato' Yang Dipertua, dengan izin saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kekotoran, tak suka sebutkan kebersihan tetapi kekotoran yang dialami oleh Ibu Negeri Kuala Terengganu ini, sama ada jalan-jalannya, di jalan-jalannya, di kawasan-kawasan perumahannya, longkang-longkang yang dibina yang tak terjaga dan tong sampah-tong sampah yang tak disempurnakan kawalan dan jagaan serta pembiaraan tiga empat hari sampah-sampah ini terlonggak dan sebagainya tidak menggambarkan usaha kita yang menjustifikan, yang melayakkan kita membelanjakan begitu banyak untuk menarik pelancongan tetapi dimana duit ini pergi? Dan adakah ini, pembersihan daripada kekotoran ini tidak termasuk sebahagian daripada usaha mempromosikan kedatangan pelancong-pelancong asing dan dalam negeri ke negeri kita Dato' Yang Dipertua. Jadi oleh itu, saya sekali lagi menyeru dalam usaha kita ini hendaklah kita memberi keutamaan kepada 'basis infrastruktur needs or requirement' dengan izin Dato' Yang Dipertua, supaya dalam usaha kita menarik pelancong dalam dan luar negeri ke negeri kita ini mereka benar-benar boleh melihat bahawa kita mempunyai budaya bukan sahaja budaya yang menarik tetapi bandar yang bersih dan kita tidak lagi kelihatan ke tempat pelancongan yang disediakan begitu indah dan sempurna

9 September 1996

tetapi laluan ke tempat itu paling mendukacitakan. Jadi oleh demikian Dato' Yang Dipertua, saya mengharapkan pihak yang berwajib hendaklah memberi penumpuan kepada usaha-usaha ini kerana ianya juga memberi manfaat dan keselesaan kepada rakyat itu sendiri.

Dan buat akhirnya Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya mengatakan bahawa masanya telah tiba kalaulah tidak terlewat penyusunan semula kependudukan dalam kawasan MPKT adalah suatu perkara yang paling perlu dari segi kesihatan, dari segi keselesaan hidup, dari segi komunikasi dan yang paling mustahak ialah dari segi keselamatan, kebakaran dan sebagainya yang mendedahkan penduduk kita yang tidak tersusun itu kepada bahaya yang sukar dan susah untuk kita mengatasinya. Jadi oleh yang demikian Dato' Yang Dipertua, dalam kita membelanjakan untuk projek-projek yang seumpama ini secara tidak langsung juga saya mengharapkan penekanan diberi kepada menaikkan taraf penghidupan masyarakat kita khususnya di bandar yang telah lama tertinggal iaitu di Kuala Terengganu ini. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Sekarang saya menjemput pihak kerajaan menjawab.

**YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian sama dalam perbincangan ini terutama bagi menjawab serta memberi penjelasan berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan maksud B.32 - Perbelanjaan Menggalak Pelancongan. Dato' Yang Dipertua, Tahun Melawat Negeri Terengganu 1997 telah ditetapkan oleh pihak kerajaan sebagai Tahun Pelancongan. Di antara matlamat-matlamat utamanya ialah di samping meningkatkan jumlah kedatangan pelancong daripada 1.2 juta kepada 2 juta tetapi yang paling mustahak dan paling penting sekali ialah meningkat serta menjadikan sektor pelancongan sebagai sektor yang boleh maju berterusan walau pun selepas Tahun Melawat Negeri Terengganu. Tidak cukup kita hanya mempunyai keindahan alam semula jadi, tidak cukup dengan produk-produk yang kita ada. Di dalam ekonomi biasa Dato' Yang Dipertua, sesuatu barangan itu perlu dipamer, perlu dijual, perlu dipromosi, perlu diiklankan Dato' Yang Dipertua. Khusus bagi Tahun Melawat Negeri Terengganu 1997, peruntukan tambahan RM3.5 juta ini adalah untuk perbelanjaan penggalakan pelancongan, promosi dan jugak aktiviti-aktiviti penggalakan untuk menggalakkan kedatangan pelancong selama dua tahun Dato' Yang Dipertua. Bererti belanja untuk tahun 1996, belanja untuk tahun 1997, kalau dibahagi dengan dua tahun berapakah jumlahnya - sejuta lebih saja. Dan sejuta lebih ini tidak boleh menggambarkan bahawa kita mengambil peruntukan lain yang menjejaskan kepada sektor-sektor yang lain, bantuan-bantuan kepada pelajaran .....

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Penjelasan Dato' Yang Dipertua .....

**YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura):** Dato' Yang Dipertua, saya nak teruskan Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** This is budgeting, 1997 belum ada budget lagi.

9 September 1996

YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ *(a)* IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Kita tidak mintak lagi budget untuk tahun 1997. Untuk belanja dua tahun 1996, 1997 Dato' Yang Dipertua. Sejuta lebih apa .....

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Dipertua, ASV bukan untuk 'future spending'.

YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ *(a)* IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Itu tahun Dato' Yang Dipertua, saya nak terus. Jadi kalau dibandingkan dengan promosi penggalakan pelancungan dengan faedah yang kita dapat daripada hasil galakan pelancungan dengan belanja begitu sedikit saya rasa apa yang kita buat ini lebih daripada sepatutnya Dato' Yang Dipertua. Apatah lagi kalau ada tuduhan bahawa kita buat ini menyebabkan terjejas perkara-perkara yang lain. Sama sekali tidak betul. Berapakah perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan negeri untuk pendidikan, pembangunan manusia, petani dan nelayan bukan RM3 juta, beratus-ratus juta, bahkan beratus juta. Dengan izin Dato' Yang Dipertua, 'a small portion' bagi TMT berapa persen, saya malu nak sebut Dato' Yang Dipertua, sebab kita sedar, kita insaf kita kena berhati-hati dalam perkara-perkara yang seperti ini. Dato' Yang Dipertua, Alhamdulillah melalui promosi kita dalam TV komersil, produk kena jual, kena beritahu kepada orang apa yang kita buat, kita tak jual benda yang tak baik dalam negeri kita. Kita jual kebudayaan kita, kita jual cara hidup orang kita, orang pergi masjid. Saya menerima pelancong daripada Amerika Syarikat sekarang sedang berada di Negeri Terengganu Dato' Yang Dipertua. Dia nak lihat bagaimana orang Melayu kita ini sembahyang, hidup seharian. Pagi bekerja, tengah hari bekerja, sembahyang subuh, maghrib, lihat bagaimana cara hidup. Ini produk yang hendak kita jual, dia tak nak mari nak tengok orang berjudi, tidak ada Dato' Yang Dipertua. Jadi melalui promosi dalam TV Dato' Yang Dipertua, belanja besar. Yang kita dapat free kita dapat freeelah. Kita dapat milage besar, satu minit, 30 second kita kena belanja sampai tiga puluh, empat puluh ribu dan kita dapat sponsor jugak Dato' Yang Dipertua. Kita dapat sokongan daripada TV3, kita dapat sokongan daripada RTM tetapi yang paling mustahak ialah rakyat kita dapat faedah. Dato' Yang Dipertua, hati ini belum lagi kita masuk ke tahun melawat tahun 1997 keadaan sudah berbeza. Saya tak naklah angkat bakul sendiri Dato' Yang Dipertua, tetapi saya cengar komen daripada pihak-pihak tertentu bukan saja orang dalam negeri, orang luar Negeri Terengganu pun memuji kita bagus. Negeri Terengganu ambil langkah lancar Tahun Melawat Negeri Terengganu. Promosi bagus dalam TV, kapal terbang dah tak cukup dah. Kalau dulu kita tak payah booking tiket, hari ini kalau tak booking dalam tiga empat hari tak boleh nak pergi ke Kuala Lumpur, Yang Dipertua. Ahli Yang Berhormat-Yang Berhormat, kakitangan kerajaan biasa dah naik kapal terbang di Kuantan, kena pergi Kota Bharu dan sebagainya. Itu sudah satu 'indicator' yang menunjukkan bahawa ada kesan dan jugak, kesibukan bandar jugak. Kalau pergi ke airport, kalau dulu kita tengok muka serupa saja, yang adanya Wakil daripada Manir, Wakil daripada Batu Buruk di terminal kapal terbang. Hari ini kita tidak kena dah orang tu, tak kenal. Ah itu, pasar sibuk siapa jual keropok, saya tak jual keropok, saya tak kenal keropok ini 'made in' UMNO ke, 'made in' PAS ke, tak dok. Banyak kereta berhenti dekat Rusila beli ikan masin, beli kain batik, beli kraftangan sebagainya kita tak sekat. Itulah faedah yang kita nak di samping orang-orang kita secara direct, terus berusaha dalam bidang pelancungan. Dato' Yang Dipertua, jadi kalaupun belanja RM3.5 juta untuk dua tahun sampai nak gugup, bisung bangau dak padan Dato' Yang Dipertua. Jadi giliran Negeri Terengganu nak



9 September 1996

buat sekali Dato' Yang Dipertua, negeri lain dah buat lama dah. Patutnya orang-orang belah alik nun sokong kita, ah sokong kita. Kan kalau tak buat kata tak buat pulak.

Jadi soal maksiat ni Dato' Yang Dipertua, dia banyak faktor alah orang .....

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua penjelasan, kita bukan menentang, kita tanya apa dia aktiviti itu yang menelan belanja RM3.5 juta. Itu kita minta penjelasan.

**YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura):** Saya dah kata dah Dato' Yang Dipertua kalau nak detailnya, banyak Dato' Yang Dipertua, belanja buat filem, belanja tunjuk komersil dalam TV, masuk iklan dalam majalah, buat travel MAS, bawak agen-agen pelancongan kita ke Kuala Lumpur biar dia berjumpa orang di Kuala Lumpur, jual pakej Negeri Terengganu, bawak ke Singapura, kita masih lagi demostik. Kita tak bawak pergi ke Hong Kong, tak bawak ke Toyko, belum lagi sebab kita target 80% untuk 'demostic tourism' dengan izin Dato' Yang Dipertua, belum lagi. Arab tak mari lagi walau pun dah ada market dah Dato' Yang Dipertua. Hari ini orang Jerman, orang Perancis, orang Itali, orang Taiwan, orang Amerika, orang Eropah dah datang dah dengan kerjasama daripada bukan kerajaan saja, daripada tuan punya hotel, tuan punya chalet, daripada agensi pelancongan, kerajaan nak duduk saja ke bagi membantu orang-orang melabur beratus-ratus juta, kita kena promotelah. Dato' Yang Dipertua, secara ringkas Dato' Yang Dipertua, saya pun tak nak cerita sangat benda-benda begini cuma nak beri faham dan buat penjelasan bukan marah Dato' Yang Dipertua nak kabor hak sebenarnya, hak apa dalam dada kita buat ni. Jadi kalau bandinglah kalau kata RM3.5 juta melibatkan hak lain tak buat, berapa bantuan kebajikan masyarakat tanya Pengerusi Bantuan Am berapa setahun, berapa? RM16 juta satu tahun, promosi pelancongan RM3.5 juta dua tahun. Petani, nelayan tahun ini saja RM11 juta, kita banding macam mana. Saya tak boleh beri jawab Dato' Yang Dipertua, terjawablah tu.

Berkait dengan Pulau Redang - Berkait dengan Pulau Redang ni, tak ada isu yang sebenarnya Dato' Yang Dipertua, masalah air kita dah sebut selalu dah, sokmo dah sebut air. Air ni bukan untuk menjayakan Redang saja dok, air ini adalah untuk semualah, untuk orang seribu nyawa di Pulau Redang Dato' Yang Dipertua, pada masa akan datang. Hak lambat sikit tu perkara teknikallah. Ini kita kena ambil kira dah, hak jeti semua sekali dah ambil kira belaka dah. Saya duk kata sokmo-sokmo Dato' Yang Dipertua, dari segi perancangan kerajaan, daripada pucuk pimpinan kita yang ada pada hari ini sudah mengambil kira pembangunan manusia, pembangunan insan, pembangunan ekonomi, pembangunan sosial rakyat, pembangunan agama dah ambil kira belaka dah sebab tu kita nama Darul Iman Dato' Yang Dipertua. Berapa banyak sangat kelab malam Negeri Terengganu, tak dok Dato' Yang Dipertua. Berapa banyak sangat maksiat berkaitan dengan pelancongan, tak dok. Hak Ulek Mayang tu, hak budaya sekali sekala yang awak gi mari tengok buat benda.

**YANG BERHORMAT HARI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Aku tak tengok, aku lari.

**YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura):** Tak usahlah, pejam matalah tu. Tapi saya nak puji, bagus Wakil daripada Batu Buruk dia datang ke majlis-

9 September 1996

majlis pelancaran kita. Saya ucap terima kasih dan saya suka tengok. Bermakna dia jugak beri sokongan kepada Tahun Melawat Negeri Terengganu 1997.

Sekian, wassalamulakum warahmatullahi warabarokatub. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):**  
Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, menggalang Rang Enakmen ini sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Wakil-wakil Alur Limbat, Wakil Manir, Wakil Batu Buruk yang telah memberikan pandangan dan teguran kepada butir-butir perkara yang ditimbulkan dalam permohonan bekalan tambahan ini. Dan penerangan yang cukup jelas saya rasa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua diberikan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Aziz (a Ibrahim Awang sekejap tadi. Cuma saya kalam boleh nak menyebut sedikit tambahan kepada apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' Wakil Sura ni Yang Berhormat Mulia Dato' ialah kesan daripada usaha kita menarik pelancong ke Negeri Terengganu. Saya dimaklumkan, selain daripada melawat tempat-tempat yang biasa pelancong-pelancong ini entah macam mana tertarik juga pergi ke Masjid terapung Dato' Yang Dipertua. Bukan orang Islam saja, orang bukan Islam pun pergi jugak ke situ. Saya tidak tahu boleh jadi orang yang merancang dulu termasuklah Arkitek terfikir juga pada suatu masa bahan ini merupakan satu produk pelancongan yang di dalamnya tersemat sedikit kalau tidak banyak pun, sama ada diakui atau tidak oleh pembangkang, usur dakwah Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua kalau orang ramai dan terus datang ke tempat kita untuk menikmati kesenian Negeri Terengganu, untuk menikmati alam semula jadi Negeri Terengganu kita juga saya merasa bangga kerana orang nak datang dia tidak takut kepada pemimpin-pemimpin kerajaan yang ada sekarang, pemimpin-pemimpin yang rasional, siaman bahawa sanya Kerajaan Negeri Terengganu ini tidak diperintah oleh pelampau-pelampau agama Dato' Yang Dipertua. Sebab itulah orang ramai datang saya rasa, kalau tidak masing-masing tidak berani jugak nak datang Dato' Yang Dipertua. Saya rasa Wakil Manir memang membuat tuduhan dan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua boleh saya rasa, saya cadangkan memintak Wakil Manir menarik balik tuduhan yang menyatakan ada projek-projek yang telah diluluskan kepada kontraktor yang tertentu tetapi oleh kerana sebab-sebab tertentu dibatalkan. Ada projek-projek yang hanya diberikan kepada orang tertentu yang sanggup menyogokkan perkara tertentu. Jadi saya rasa perkara-perkara ini yang tak jelas ni boleh Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua mintak Yang Berhormat Wakil Manir menarik balik. Dan saya rasa dengan tertarik balik itu maka tidak berdosalah Wakil Manir, Dato' Yang Dipertua. Tapi kalau Wakil Manir merasakan ada alasan yang cukup kuat saya cadangkan dia mengundang tuduhan dia di luar. Begitu jugak Wakil Batu Buruk yang mengatakan tidak berlakunya keadilan kepada orang yang terlibat dalam pemindahan. Sebagai seorang peguam, saya rasa inilah peluang yang baik untuk dia membela orang-orang yang semacam ini. Kalau dia kata, kerajaan memberikan tanah-tanah perpindahan ini untuk orang-orang tertentu 'at the expands' mintak izin Dato' Yang Dipertua, orang yang terlibat sampai masanyalah dia membawa perkara ini ke muka pengadilan.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN LEMBONG (Wakil Batu Buruk):**  
Tuan Yang Dipertua, saya akan sampai secara rasmi kepada kerajaan. Insya Allah.

9 September 1996

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Yang Dipertua, saya tak dengar apa benda yang disebut tu?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Akan saya sampaikan secara rasmi kepada kerajaan nama-nama itu, Insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Dato' Yang Dipertua, saya tidak tahulah kalau sebut dalam Dewan ini tidak rasmi lagi, saya tidak tahu. Saya rasa yang paling rasmi sekali dalam Dewan ni kalau nak bohong pun, bohong .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Dato' Yang Dipertua dalam Dewan telah pun saya katakan, secara pentadbirannya perlu melalui jentera yang lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): ....  
Kalau nak bohong pun, bohong cara rasmi dalam Dewan inilah. Kalau nak bercakap benar, cakap benar cara rasmi dalam Dewan inilah Dato' Yang Dipertua, saya rasa begitu.

Sahabat saya Wakil Alur Limbat, kalau kita rasa kasihan belas kepada anak-anak kita yang belajar di Kaherah jangan menggoda mereka membuat perkara-perkara selain daripada belajar. Menjadi satu kesalahan besar budak-budak tidak belajar. Jadi bila dia tidak belajar dia buat satu kesalahan yang boleh kita berhentikan pinjaman kepada dia. Jadi kalau kita tidak mahu melihat pinjaman itu diberhentikan oleh Yayasan jangaulah sekali-kali menyeleweng pandangan dan usaha budak-budak ini di Kaherah. Jangan sekali-kali .....

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Penjelasan Dato' Yang Dipertua, nak tuduh kita goda kita tak dok buat pertubuhan apa di nun. Kelab UMNO ada untuk pelajar di nun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Dato' Yang Dipertua ada satu pepatah Melayu antara yang menampar dengan mengutir kata orang Terengganu "kutir" kadang-kadang kutir atau cubit ini lebih sakit lagi daripada tampar. Tetapi oleh kerana cubit ini di buat dalam kain dan tidak ramai yang nampak, jadi tidak jelaslah kejahatan cubit tadi. Itulah bandingannya.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Apa yang saya tahu pelajar-pelajar yang digantung itu bukan pelajar yang tidak belajar semuanya dapat kelulusan baik di dalam peperiksaan. Ada yang mendapat jaiz dan ada yang lebih tinggi daripada itu, jadi tuduh tidak belajar saya ingat itu tidak terjejak kepada bumi kenyataan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Dato' Yang Dipertua kita menjalankan penyiasatan, kita tidak buat begitu saja dan kita jelas terbukti perkara yang kita sebutkan tadi. Jadi nasihat saya kepada Wakil Alur Limbat dan sahabat-sahabatnya kalau boleh mari kita selamatkan budak-budak ini, jangan kita usik dia, biar

9 September 1996

dia belajar. Jadi kalau kita nak buat apa-apa pun biar dia tamat dulu dia balik, maka kita buatlah apa-apa, nak ketjom dia nak suruh jadi hamba kita dan apa-apa lagi, terpulanglah kepada dia.

Dato' Yang Dipertua, Wakil Manir sendiri dengan secara tidak langsung tadi mengakui bila dia bercakap berhubung dengan tekanan air terutamanya di waktu Maghrib. Ini jelaslah bahawa waktu Maghrib orang berebut-rebut nak mandi, nak ambil air sembahyang. Bertinya koho ramai orang sembahyang. Saya tak tahulah kalau orang PAS nak dakwa bahawa koho ramai orang sembahyang ni kerana orang PAS bukan kerana Barisan Nasional. Tak tahulah, ambillah ini sutir tak apa asalkan dia orang sembahyang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1996 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU, BAGI TAHUN YANG TERSEBUT ITU DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

**Dalam Jawatankuasa**

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1996 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU, BAGI TAHUN YANG BERSEBUT ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

9 September 1996

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1996 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU, BAGI TAHUN YANG TERSEBUT ITU DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 3 Tahun 1996.

9 September 1996

**ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA  
ISLAM (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERTHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Saya mohon menyokong cadangan itu.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK  
MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
1986 DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang, Rang Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pindaan) 1996 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah Fasal 1 bertujuan memberi nama dan tarikh Enakmen ini berkuatkuasa.

Kedua - Fasal 2 bertujuan meminda Teks Bahasa Malaysia Enakmen ibu dengan menggantikan perkataan-perkataan "Mahkamah Apil Syariah" dengan perkataan-perkataan "Mahkamah Rayuan Syariah". Perkataan-perkataan "apil", "Apil", "Apil", "apilnya" dan "diapil" dengan perkataan-perkataan "rayuan", "Rayuan", "Rayuan", "rayuannya", "dirayu dimana-mana yang berkenaan.

Tiga - Fasal 3 bertujuan meminda perkataan-perkataan "Qadi Besar" dan "Qadi Besar, Timbalan Qadi Besar" di dalam seksyen 31 dengan perkataan-perkataan "Hakim Mahkamah Tinggi Syariah". Di dalam seksyen 129 perkataan-perkataan "Qadi Besar", "Timbalan Qadi Besar" dengan perkataan-perkataan "Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; dan dengan menggantikan perkataan-perkataan "Qadi-Qadi" dan "Qadi" di mana-mana terdapat perkataan tersebut, kecuali dalam seksyen 93, 181 dan 182 dengan perkataan-perkataan "Hakim Mahkamah Rendah Syariah".

9 September 1996

Keempat - Fasal 4 Enakmen ini bertujuan menukar nama jawatan Qadi, Timbalan Qadi Besar dan Qadi yang terdapat dalam Enakmen ibu kepada nama baru iaitu Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah menurut mana-mana yang berkenaan.

Selepas Enakmen ini berkuatkuasa mereka yang dilantik di bawah seksyen 28 (1) Enakmen ibu dan apa-apa perlantikan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai "Qadi Besar", "Timbalan Qadi Besar" dan "Qadi" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Fasal 4 (3) juga mengarahkan apa-apa yang dilakukan oleh mereka atas nama terdahulu disifatkan telah dilakukan oleh mereka atas nama baru mereka.

Lima - Fasal 5 Rang Undang-Undang bertujuan membuat pertukaran nama Mahkamah Apil Syariah seperti terdapat dalam teks Bahasa Melayu Enakmen ibu kepada nama "Mahkamah Rayuan Syariah".

Fasal 5 (2) menyerahkannya apa-apa yang dilakukan atas nama dahulu bolehlah diteruskan oleh Mahkamah atas nama barunya.

Enam - Fasal 6 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 2 Enakmen ibu dengan memberi takrif baru kepada Hakim Syar'i, Pegawai Agama Daerah, Pegawai Pengkuatkuasa Syariah dan lain-lain yang berkenaan.

Tujuan - Fasal 7 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 28 Enakmen ibu dengan menggantikan dengan seksyen 28, 28A, 28B, 28C dan 28D baru. Dengan mewujudkan seksyen yang baru ia dapat memberi gambaran yang jelas mengenai kuasa melantik Ketua Hakim Syar'i, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah serta ciri kelayakan mereka sebelum dilantik ke jawatan masing-masing.

Seksyen 28D menerangkan kuasa setiap bidangkuasa mereka masing-masing.

Lapan - Fasal 8 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 29 (1) Enakmen ibu supaya penubuhan Mahkamah tidak terhad ditempatkan di Kuala Terengganu sahaja.

Sembilan - Fasal 9 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 30 Enakmen ibu dengan memperuntukkan kuasa melantik Pendaftar Mahkamah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Ketua Hakim Syar'i.

Sepuluh - Fasal 10 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 32 subseksyen (2)(b)(iv) Enakmen ibu untuk memberi kuasa kepada Mahkamah Rendah Syariah bidangkuasa yang tidak terhad dalam memutuskan tuntutan mengenai harta sepencarian.

Sebelas - Fasal 11 Rang Undang-Undang meminda seksyen 34 Enakmen ibu dengan menyusun semula keanggotaan dan memperkemas proses perjalanannya.

Dua belas - Fasal 12 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 63 Enakmen ibu dengan mewujudkan perkataan "sijil faraid" dan "Hakim Syar'i" dan memansuhkan subseksyen (3).

9 September 1996

Tiga belas - Fasal 13 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 93 Enakmen itu dengan menggantikan perkataan-perkataan "Qadi Besar", "Timbalan Qadi Besar", "Qadi" dan "Naib Qadi" dengan perkataan-perkataan "Hakim Mahkamah Tinggi Syariah" atau "Hakim Mahkamah Rendah Syariah" menurut mana-mana yang berkenaan.

Empat belas - Fasal 14 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 181 Enakmen itu dengan menggantikan perkataan "Qadi" dengan perkataan-perkataan "Pegawai Agama Daerah".

Lima belas - Fasal 15 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 182 dengan menggantikan perkataan "Qadi" dengan perkataan-perkataan "Pegawai Agama Daerah".

Enam belas - Fasal 16 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 222 Enakmen itu dengan menggantikan perkataan-perkataan "Qadi Besar" dengan perkataan-perkataan "Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama".

Rang Enakmen ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

**YANG BERTHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF** (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan.

**YANG BERTHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF** (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan yang dihormati sekalian. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk berucap bagi menyokong cadangan Rang Undang-Undang yang dikemukakan tadi.

Yang Berhormat Yang Dipertua, Rang Undang-Undang yang dikemukakan adalah utamanya mengenai dengan penyusunan semula struktur Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri ini dan perubahan penggunaan perkataan atau istilah. Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri ini pada masa ini ditubuhkan dalam tiga peringkat berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, iaitu satu Mahkamah Apil Syariah, dua Mahkamah Tinggi Syariah dan tiga Mahkamah-mahkamah Rendah Syariah Daerah-daerah. Enakmen itu telah dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 1987. Walau pun begitu mulai 1 Januari 1988 telah berlaku satu perubahan yang agak besar di dalam organisasi Mahkamah Syariah iaitu pemisahan Mahkamah-mahkamah Syariah daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Pemisahan ini bertujuan untuk meletakkan Mahkamah Syariah di atas fungsinya bagi menyelia dan melaksanakan perkhidmatan pengadilan mengikut Hukum Syarak secara adil, cekap dan berkesan. Menurut peruntukan undang-undang yang diperuntukkan kepadanya dengan bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Negeri Terengganu adalah negeri yang pertama di dalam Malaysia memisahkan Mahkamah Syariah dari Jabatan Hal Ehwal Agama.



Izinkan saya imbas semula sejarah pemisahan ini iaitu hasil daripada keputusan mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-15 yang bersidang pada 4 Oktober 1988, iaitu telah dibawa ke pengetahuan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Menteri Besar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersetuju cadangan pemisahan Mahkamah Syariah daripada Jabatan Hal Ehwal Agama dilaksanakan di Negeri Terengganu. Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah mengemukakan cadangan kedudukan struktur organisasi dan perjawatan bagi Mahkamah Syariah Terengganu kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Terengganu pada 17 Mei 1987. Lanjutan daripada itu kelulusan perjawatan Bilangan 2/1988 telah dikeluarkan. Pemisahan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu berkuatkuasa mulai 1 Januari 1988. Walau pun pemisahan Mahkamah Syariah dari Jabatan Hal Ehwal Agama bermula 1 Januari 1988 secara praktisnya pelaksanaan bermula pada 1 November 1989, iaitu dengan terlantiknya Qadi Besar yang mengetuai Jabatan Kehakiman Syariah.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, menurut Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Tahun 1988, Qadi Daerah dengan Qadi yang bertugas di Mahkamah-mahkamah sebenarnya mempunyai bidangkuasa yang sama. Bagi maksud memberi bidangkuasa yang berbeza maka inilah saya menyokong cadangan Rang Undang-Undang ini. Dengan lulusnya Rang Undang-Undang ini nanti Qadi Besar akan dikenali sebagai Pegawai Agama Daerah dan akan dilantik serta berbidangkuasa menurut perubahan seksyen 4 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1988. Manakala Qadi yang bertugas di Mahkamah akan dikenali sebagai Hakim Syar'i yang dilantik di bawah seksyen-seksyen baru 28, 28A, 28B, 28C dan 28D Rang Undang-Undang ini. Bidangkuasa Hakim Syar'i pula adalah menurut peruntukan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986. Dengan lulusnya Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pindaan) 1986 ini yang akan menjadi undang-undang, bidangkuasa kedua-dua penjawat itu akan lebih jelas dan Insya Allah dapat dikendalikan dengan baik oleh penjawat-penjawatnya.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang yang dicadangkan ini pada pandangan saya adalah satu, adalah selari dengan kehendak Hukum Syarak. Di dalam Kitab Al-qadafil-Islam oleh Muhammad Salam Makdur di dalam halaman 52 ada menyebut, antaranya: Khalifah yakni pemerintah mempunyai kuasa untuk melantik Qadi-Qadi yang dikenali pada hari ini sebagai Hakim-hakim. Dengan memberikan bidangkuasa yang ditetapkan dan dihadkan serta pengkhususan tugas, tempat, masa dan kawasan. Pengkhususan ini dikenali dengan prinsip Iktisos Alqulbi.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh bagi menyokong cadangan Rang Undang-Undang ini ialah mengenai Mahkamah Rayuan Syariah. Di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam 1988 versi Melayunya disebut Mahkamah Apil Syariah. Di dalam Rang Undang-Undang yang dicadangkan itu tadi, dicadangkan dalam Bahasa Melayu disebut Mahkamah Rayuan Syariah. Dari segi istilah ini saya mohon menyokong cadangan Rang Undang-Undang itu. Selain dari itu, dari keanggotaan Mahkamah Syariah sebagaimana yang dicadangkan itu pada pendapat saya adalah bertepatan dengan perkembangan masa ini. Seksyen 34 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 memperuntukan keanggotaan Mahkamah Apil Syariah seperti berikut:

9 September 1996

Mahkamah April Syariah hendaklah mengandungi tiga ahli iaitu:

1. Pengerusi yang dilantik di bawah seksyen 28(1)(a).
2. Seorang yang dipilih daripada Jawatankuasa Fatwa, dan
3. Seorang lagi yang dipilih daripada sekumpulan seramai 10 orang yang bergama Islam bermazhad Shafie yang dilantik pada tiap-tiap tiga tahun dan diberi tauliah oleh Duli Yang Maha Mulia Al Sultan.

Manakala seksyen 28 (1) Enakmen tersebut diperuntukkan:

Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta melantik sesiapa yang layak menjadi Pengerusi Mahkamah April Syariah.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, peruntukan undang-undang yang sedia ada boleh menyebabkan kes-kes rayuan tertangguh. Saya difahankan ada kes rayuan dirayu dalam tahun 1993 hingga kini masih belum diputuskan. Keadaan ini berlaku kerana susahnya headak mendapat satu masa yang sesuai untuk bersidang antara Pengerusi Mahkamah Apil dengan ahli-ahlinya. Selain dari itu, di dalam kes rayuan Omar bin Daud lawan Pendakwa Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, pihak perayu telah mempetikaikan Mufti sebagai Mahkamah Rayuan, Mufti menganggotai Mahkamah Rayuan. Mufti yang mengeluarkan fatwa dan beliau sendiri menghukum orang yang melanggar fatwa. Dalam kes ini diputuskan rayuan perayu itu diterima. Dengan cadangan Rang Undang-Undang yang dikemukakan tadi sekiranya kerajaan negeri bersetuju cadangan penyusunan semula Mahkamah Syariah sebagaimana dibuat kenyataan akhbar oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 23 Julai 1996 yang lalu tidak akan timbul masalah dari segi keanggotaan Hakim Mahkamah Syariah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di sini jelaslah hasrat kerajaan negeri di bawah kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad adalah seiring kehendak Kerajaan Pusat pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam melaksanakan perundangan dengan penuh tertib. Semoga niat suci dan tindakan kedua-dua pemimpin ini diterima oleh Allah jua sebagai amal soleh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dengan lulusnya Rang Undang-Undang ini bidangkuasa Hakim Syar'i dan Pegawai Agama Daerah dapat dibezakan, begitulah bidangkuasa Ketua Hakim Syar'i dan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama. Kuasa membuat siasatan untuk menentukan anak bulan baru bagi bulan berikutnya harus kelihatan dimana bidang tugas kuasa Qadi Besar kini dipindahkan kepada Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama. Iaitu dengan pindaan seksyen 222 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1996 sebagaimana yang diputuskan di dalam Fasal 18 Rang Undang-Undang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akhirnya saya memetik kata-kata Yang Arif Dato' Abdul Hamid bin Haji Muhammad, Hakim Mahkamah Tinggi Malaya, Pulau Pinang pada 18 Jun 1996 dalam suratnya kepada Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia sempena sudut perbincangan pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. Katanya: Dalam usaha melaksanakan Hukum Syarak kita perlulah dapat meyakinkan sekurang-kurangnya orang-orang Islam terlebih dahulu bahawa ia memang dapat dilihat lebih adil daripada Undang-Undang, Sivill.

9 September 1996

Jentera yang melaksanakannya dapat dilihat lebih cekap dan lebih berkesan daripada yang melaksanakan Undang-Undang Sivil. Mahkamah-mahkamah Syariah yang ada sekarang ini dalam melaksanakan Hukum Syarak perlulah membuktikan kelebihan Undang-Undang itu, tanpa dapat membuktikan hal itu besar kemungkinan tidak yakin dan tidak ragu, besar kemungkinan orang awam tidak yakin dan ragu-ragu dengan usaha untuk melaksanakannya. Kita juga tidak mahu orang ramai mempunyai sebab untuk merasa bahawa Undang-Undang Islam yang dilaksanakan tidak cekap jenteranya atau sebab-sebab lain, lebih tidak adil daripada Undang-Undang Sivil yang sedia ada. Ini memalukan kita orang-orang Islam sendiri. Memanglah berbagai-bagai masalah teknikal akan timbul tetapi jalan untuk mengatasinya boleh dirujuk oleh ahli-ahli teknikal. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Terengganu hari ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad berusaha mengatasi masalah-masalah teknikal di Mahkamah Syariah itu dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pindaan) 1996.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada lagi nak bercakap. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Kerajaan dan para hadirin sekalian. Alhamdulillah, terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1996 yang ada hubung kait dengan Institusi Kehakiman Syariah di negeri ini. Cadangan pindaan ini nampaknya banyak tertumpu kepada pertukaran nama Mahkamah Apil kepada Mahkamah Rayuan dan seterusnya. Sebenarnya cadangan pindaan ini agak terlambat dan boleh dikatakan sebagai pengesahan sahaja kepada nama-nama yang berikut kerana memang nama-nama yang dicadangkan itu sudah pun diterima pakai menurut Waran Perjawatan. Kalau boleh kita umpamakan suatu barangan ia telah pun digunakan oleh pembeli sebelum diangkat jual beli.

Dato' Yang Dipertua, oleh kerana Rang Undang-Undang ini secara langsung menyentuh Jabatan Kehakiman Syariah dan perjalanan Mahkamah Syariah saya akan memberi pandangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Dimana objektif Mahkamah Syariah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wakil Kuala Berang tadi, berdasarkan kepada Kertas Mesyuarat 1/81, mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Yang Ke-15 ialah untuk menyelia dan melaksanakan perkhidmatan pengadilan mengikut Undang-Undang Syarak secara adil, cekap dan berkesan. Kalau kita melihat kepada objektif ini ia adalah sangat baik, tetapi apakah kaedah pelaksanaan Undang-Undang di Mahkamah Syariah dan kesannya benar-benar mengikut Undang-Undang Islam secara adil, cekap dan berkesan. Ini persoalannya. Dato' Yang Dipertua, saya bersetuju dengan kenyataan yang berupa arahan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia selepas merasmikan Hari Wanita 1996 di Kuala Lumpur, iaitu beliau mengarahkan supaya dikaji semula terhadap kaedah pelaksanaan Undang-Undang Islam dan keberkesanannya di Mahkamah Syariah. Kenyataan ini merupakan suatu

9 September 1996

arahan dan membuktikan bahawa selama ini terdapat kelemahan dan ketidak-berkesanan kaedah pelaksanaan Undang-Undang di Mahkamah Syariah termasuk di negeri kita ini. Sebagai contoh beberapa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah tetapi tidak dikuatkuasakan keputusan tersebut. Umpamanya dalam satu kes berhubung dengan soal perkahwinan, telah diputuskan tidak sah pada tahun 1995 tetapi keputusan tidak dikuatkuasakan. Apakah ini kerana tidak ada badan yang ditugaskan untuk menguatkuasakan keputusan itu atau kerana tugas Bahagian Penguatkuasaan Syariah dan Pendakwa Hal Ehwal Agama Islam diletakkan di Jabatan Hal Ehwal Agama yang telah dipisahkan daripada Jabatan Kehakiman Syariah. Ini persoalannya. Kalau suatu keputusan itu dibuat tetapi tidak ada penguatkuasaan kepada keputusan itu, maka tidak ada erti keputusan itu dibuat. Perkara ini diharap mendapat perhatian daripada pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyentuh soal perlantikan Hakim, Ketua Hakim dan Hakim-hakim yang lain serta syarat-syarat kelayakan ingin saya tekankan bahawa Islam menghendaki agar orang yang menjawat jawatan ini hendaklah benar-benar layak dan berwibawa kerana institusi Kehakiman ini amat penting dan Hakim pula menjadi tonggak kepada Institusi Kehakiman. Rasulullah SAW telah bersabda:

الْقَضَاءُ رُكْنٌ مِنْ رُكْنَيْهِ وَالْحَقُّ رُكْنٌ مِنْ رُكْنَيْهِ وَمَنْ ضَلَّ فِيهِمَا ضَلَّ الدَّارَ

sehingga akhir. Maksudnya Qadi terbahagi kepada tiga, satu masuk syurga dua masuk neraka. Yang masuk syurga ialah Qadi atau Hakim yang mengetahui hak yakni kebenaran hukum Islam dan menghukumkan dengannya. Yang masuk neraka ialah Qadi atau Hakim yang mengetahui hukum Islam yakni yang hak tetapi tidak menghukumkan dengannya dan zalim dalam hukumannya, maka ia masuk neraka. Qadi atau Hakim yang tidak mengetahui hak yakni kebenaran hukum Islam lalu ia menghukum manusia berdasarkan kejahilannya, maka ia masuk neraka. Hadith diriwayatkan oleh Al Hakim. Hadith ini jelas menekankan bahawa Qadi atau Hakim masuk nerakalah Qadi yang menjatuhkan hukuman dengan zalim yang tidak berilmu dan tidak berilmu. Sedangkan yang masuk syurga ialah yang berilmu dan menjatuhkan hukuman dengan hukum Allah SWT. Islam menghendaki agar seorang Hakim atau Qadi yang dilantik itu benar-benar layak dan dipilih yang terlayak di kalangan yang layak dan terbaik di kalangan yang ada untuk menghindarkan Qadi daripada masuk neraka itu.

Yang Berhormat daripada Kuala Berang ada menyebut bahawa perjalanan Mahkamah Syariah sekarang ini bersesuaian dengan kehendak Islam kerana dia kata merujuk kepada buku yang dikarang oleh Muhammad Salam Marko, Alqadakfil-Islam halamau 122 yang menyatakan bahawa Kalifah yang melantik Hakim-hakim ini. Tidak menyebut sambungan daripada itu bahawa apa yang dikatakan oleh Muhammad Salam Marko dalam Kitabnya Alqadakfil-Islam setiap Hakim yang dilantik juga tertakluk kepada pelaksanaan Undang-Undang Islam. Kalaulah Hakim itu dilantik tidak tertakluk kepada Undang-Undang Islam maka terbatalah perlantikannya itu.

9 September 1996

Yang Dato' Yang Dipertua, Allah SWT telah berfirman:

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ بَعْضِهِمْ إِن يَعْزُبُكَ  
عَنْ بَعْضٍ مَّا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِن تَوَلَّوْا فَاعْلَمُوا أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَن يُصِيبَهُمْ بِبَعْضِ  
ذُنُوبِهِمْ وَإِن كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ

Maksudnya: Dan hendaklah kaum menghukum perkara antara mereka menurut apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu mereka; dan hati-hatilah kamu terhadap mereka supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian dari apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada kamu. Jika mereka berpaling daripada hukuman yang telah diturunkan oleh Allah, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah menghendaki akan menimpakan bencana kepada mereka disebabkan dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia adalah orang-orang yang fasik. Dato' Yang Dipertua, ayat ini memerintah kepada umat Islam khususnya Hakim agar menjatuhkan hukuman dan menyelesaikan pertikaian mengikut Undang-Undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah. Melalui Undang-Undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dapat menjamin kebahagiaan, keamanan dan keadilan; dan melaksanakan yang menjadi tuntutan syarak. Saya ingin menarik perhatian dengan satu ucapan yang dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia di Seminar Antarabangsa Pentadbiran Undang-Undang Islam di IKIM, di Kuala Lumpur. Apabila ditanya kepada beliau berhubung dengan apakah kerajaan mahu melaksanakan Undang-Undang Islam di Malaysia ni, beliau menyatakan kerajaan tidak boleh melaksanakan Undang-Undang Islam di negara berbagai kaum ini kerana boleh mencetuskan huru hara di kalangan bukan Islam. Jadi kalau kita lihat kenyataan-kenyataan seumpama inilah yang membantutkan usaha untuk kita sama-sama melihat Undang-Undang Islam dilaksanakan di negara kita ini. Islam menghendaki agar keadilan mutlak ditegakkan dan kezaliman dihapuskan. Keadilan hanya dapat ditegakkan jika ia berdasarkan kepada Undang-Undang yang adil seperti yang telah ditegaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran. Bagaimanapun, sekiranya Undang-Undang yang ada itu tidak ditadbirkan dengan cekap, amanah dan adil, maka keadilan undang-undang itu tidak akan dapat dinikmati malahan ia akan bertukar menjadi zalim. Demikianlah juga keadaannya dengan Undang-Undang Islam yang adil, saksama dan unggul hendaklah ditadbirkan dengan cekap, amanah dan adil untuk membuktikan keadilan, kesaksamaan dan keunggulan.

Dato' Yang Dipertua, Islam memerintah setiap hakim yang memutuskan pertikaian dan menyelesaikan perbalahan agar menghukum dengan adil dan menjauhi kezaliman walaupun pihak-pihak terlibat dalam pertikaian itu menjadi musuhnya, terutamanya musuh dari segi politik. Jadi oleh kerana itu saya bimbang jika sekiranya kenyataan ini benar bahawa ada ura-ura telah ditawarkan jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah kepada bekas Qadi Besar yang juga bekas Wakil Rakyat. Jika sekiranya perkara ini berlaku maka sudah tentulah kita bimbang

9 September 1996

dendam politik akan wujud di kalangan Hakim-hakim. Jadi oleh kerana itu kita mencadangkan supaya Hakim-hakim ini adalah bebas daripada campur tangan politik. Oleh yang demikian, semua pihak hendaklah berlaku adil bukan hanya Hakim yang diwajibkan menegakkan keadilan tetapi semua pihak terlibat tanpa mengira pangkat, keturunan dia, sama ada pembesar atau puu rakyat kerana itu Islam telah menggariskan prinsip yang kukuh yang wajib diikuti dalam pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Syar'i yang menjadi tuntutan syarak untuk diwujudkan dan ditegakkan.

Dato' Yang Dipertua, saya berpendapat cadangan pindaan ini hanyalah sekadar untuk menaikan taraf dan kedudukan Hakim-hakim dengan kelulusan perbelanjaan tambahan yang dibuat sebentar tadi dimana peruntukan kepada Jabatan Kehakiman Syariah sebanyak RM292.800.00. Tetapi Undang-Undang yang hendak dilaksanakan bukan semua Undang-Undang Islam dan bercanggah dengan Undang-Undang Islam. Umpamanya dalam seksyen 209 (1) dan (2) dan juga dalam seksyen 206, 204 (1) jadi semuanya ini membuktikan bahawa ianya bercanggah dengan Undang-Undang Islam.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin merujuk juga kepada Peguam Syar'i yang bertanggungjawab membantu Hakim dalam mengendalikan kes-kes di Mahkamah. Kalau kita lihat sekarang ini tidak ada suatu Institusi yang bertanggungjawab bagi melatih Peguam-peguam ini supaya mendapat latihan profesional dalam bidang kehakiman. Ini merupakan satu peranan untuk kita dapat melihat peguam-peguam yang membantu Hakim-hakim di Mahkamah Syariah mempunyai kemahiran yang selayaknya. Sebagai satu contoh, saya merujuk kepada surat jawapan kepada satu permohonan yang dibuat pada 14 haribulan Februari 1993. Permohonan ini diterima untuk menjadi, permohonan daripada seorang untuk menjadi Peguam Syar'i tetapi sebelum pertimbangan dibuat ia menyatakan bahawa hendaklah mendapat latihan profesional dalam bidang Kehakiman Islam yang diiktiraf atau kemahiran dalam perkara-perkara berhubung dengan Hukum Syarak. Sedangkan di sana tidak ada satu institut latihan profesional yang sepatutnya ditubuhkan oleh kerajaan. Jadi oleh kerana itu untuk meyakinkan kepada masyarakat dan ummah seluruhnya dan untuk kita kembali kepada apa yang diperintah oleh Allah SWT, saya menyarankan bahawa bukan saja kita mengemaskinikan dalam soal pentadbiran Kehakiman ini tetapi yang utamanya kita hendaklah melaksanakan hukum Allah SWT yang banyak tidak dilaksanakan dalam negara kita ini. Dan pihak kerajaan perlulah membuat perundingan dari masa ke semasa dan mengikut kuasa yang ada di peringkat negeri ini bagi melaksanakan hukum Allah SWT.

Begitulah saja ucapan perbahasan saya, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi keizinan kepada saya bercap dalam Dewan ini. Aqulihaza wastafirullahaaazim walakum, assalamulakum warahmatullahi wabarokatuh.

**YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih, ada lagi yang nak bercakap. Sila.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Assalamulakum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan. Saya ingin mengambil sedikit bahagian di dalam perbahasan ini khususnya mengambil kesempatan Fixco baru mengenai Hal Ehwal Agama

di Negeri Terengganu yang saya harap ianya lebih arif dan memahami kedudukan Undang-Undang dan pengenalan Undang-Undang itu sendiri. Dato' Yang Dipertua, melihat dan meneliti keseluruhan pindaan yang dikemukakan pada hari ini ialah pertukaran nama. Dari segi pertukaran nama ini tidaklah menjadi suatu perkara yang sulit dan bermasalah, tetapi untuk lari daripada perkataan yang dahulunya kita panggil "Qadi" yang lebih menepati nama dari sudut Islam pergi kepada perkataan Hakim, perkataan Melayu yang sama dan samar-samar dengan sistem perundangan Sivil mengelirukan rakyat. Dato' Yang Dipertua, apalah yang ada pada nama, kita pernah dengar King Hussein, Don King, apa lagi King Burger, Mohamad Sultan apalah yang ada pada nama. Yang penting dalam perkara ini ialah apakah perundangan dan sistem perundangan yang kita mahu melaksanakannya, adakah ianya menepati firman Allah:

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ

Adakah kita memenuhi kehendak Allah yang bermaksud menghukum dengan apa yang telah pun diturunkan oleh Allah. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, di dalam kita melaksanakan perintah Allah ini ialah kewajipan kita, kita umat Islam Alhamdulillah diberi oleh Allah SWT, al-Quran sebagai petunjuk, Hadith Rasulullah SAW sebagai bimbingan, itjmak dan kias untuk memandu kita kepada arah penerimaan Islam yang syumul. Di dalam perkara ini Dato' Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat yang mengemukakan Enakmen untuk dipinda ini kepada beberapa seksyen di dalam pelaksanaan itu adakah ianya menggambarkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Berang tadi, kita bersyukur kehadiran Allah SWT kerana kita mahu meninggikan taraf dan kita mahu menyempurnakan pelaksanaan Syariah di Negeri Terengganu yang kita cintai ini. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat ini membaca, memahami dan meneliti Undang-Undang induk Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986. Apakah katanya seksyen 192 dan apa pula kata seksyen 193, pernahkah dia bersua dengan perkataan ini, dengan seksyen-seksyen ini. Dan adakah seksyen-seksyen ini menepati kehendak Allah, kehendak al-Quran. Jika tidak, saya berharap Exco yang berkenaan, pinda peruntukan ini supaya ianya menepati kehendak al-Quran, kehendak Allah SWT.

Yang kedua, seksyen 43 (1) dan 43 (2) Enakmen Keluarga Islam juga perlu diteliti dan dilihat semula; dikaji semula kerana ianya jelas dan nyata pemindaan kepada hukum Allah SWT. Dan apa pula nasibnya, hukumannya yang disediakan oleh Allah SWT kepada mereka-mereka yang sanggup meminda hukum Allah dan mengatakan bahawa inilah undang-undang yang kita disyariatkan. Al-Fadhil, Ketua Kerajaan yang paling arif saya kira, lebih arif daripada saya, juga perlu meneliti sama ada kita sebagai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini telah memikulkan amanah Allah, menyempurnakan perintah Allah dan kalaulah Yang Berhormat Exco tak tahu apakah peruntukan 192 dan 193 saya hanyalah sekadar untuk memberitahu dua perkataan saja. 192 yang mengatakan: Barang siapa yang melakukan bersekediaman atau pun bersekedudukan dalam bahasa Inggerisnya, teks Inggerisnya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua yang berkata 'cohabit', 'who ever cohabit' dalam dictionary, buku-buku dictionary dan kamus-kamus perkataan 'cohabitation' atau 'cohabit' bermakna "tinggal bersama-sama" yang menggambarkan, yang melahirkan keadaan suasana kekeluargaan. Tetapi Undang-Undang ini mengiktirafkan sebagai khalwat dan perbuatan sumbang saja. Sedangkan perbuatan 'cohabitation' ataupun apa nama ni, bersekedudukan ini dalam Undang-Undang Inggeris antara satu-satunya alasan atau pun 'ground for divorce', 'ground' dengan izin Dato' Yang Dipertua, alasan untuk perceraian kerana



9 September 1996

melakukan perbuatan pezinaan di luar nikah, ini Undang-Undang Inggeris. Tetapi kita di dalam Enakmen ini hanyalah sekadar untuk memberi pengertian sebagai berkahlwat, bercumbucumbuan berada di dalam Enakmen ini, itu cukup berkata berkahlwat. Tetapi bersekedudukan dan bersekedudukan ianya bukan berkahlwat atau pun perbuatan sumbang, ianya menggambarkan suatu keadaan yang membina keluarga, yang mengeluarkan zuriat di luar nikah. Tetapi hukumannya tak lebih daripada RM3,000.00 atau pun satu tahun penjara. Adakah ini maksud al-Quran? Ini dia Dato' Yang Dipertua.

Oleh itu dalam usaha kita menyempurnakan perintah Allah, menyempurnakan amanah Allah di dalam Dewan yang mulia ini hendaklah kita berusaha ke arah memberi kuasa perundangan kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam al-Quran dan al-Sunnah bagi pemakaian di Mahkamah Syariah, bukan sekadar untuk kita memberi nama dan label-label nama saja. Sedangkan Dato' Yang Dipertua, Artikel 121A Perlembagaan Malaysia telah pun memberi peruntukan kebebasan kepada kerajaan negeri, kepada Dewan Undangan Negeri untuk melaksanakan syariat ini tanpa diberi kuasa lagi kepada Mahkamah Sivil untuk mengulangkaji dan mengganggu-gugat apa-apa jua keputusan yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah, bidang kuasa ini cukup luas. Dan dalam satu kes Kerajaan Malaysia, Daud melawan Kerajaan Malaysia telah pun diputuskan perkara-perkara yang berkait dengan agama Islam adalah hak eksklusif, hak mutlak Dewan Undangan Negeri. Parlimen tidak memberi kuasa untuk mengganggu dan meluluskan undang-undang berkait dengan agama oleh kerana bidang kuasa ini diberi kepada kerajaan negeri. Kes ini Dato' Yang Dipertua, telah memberi kuasa kepada kerajaan negeri yang kerajaan negeri boleh melaksanakan syariat mematuhi kehendak Allah SWT. Dan kita tidak mahu masyarakat kita, di Mahkamah Syariah kita laksanakan undang-undang yang tidak Islam, di masjid surau, pegawai-pegawai agama, guru-guru pelawat mengajar al-Quran, hukum berzina begini, hukum tidak sembahyang begini, hukum tidak berpuasa begini, hukum berjudi begini, hukum mencuri begini tetapi Mahkamah Syariah, Mahkamah Syariah tidak mengenali dan mengiktiraf undang-undang curi, undang-undang rogol, undang-undang rompak, tidak ada undang-undang di Mahkamah Syariah. Adakah ini kedudukan Islam yang sebenarnya di Mahkamah Syariah? Sedangkan Dato' Yang Dipertua, dengan pindaan ini kita memberi kedudukan struktur, saya menekankan dari sudut kedudukan struktur Mahkamah ini kelihatan sama tarafnya dengan Mahkamah Sivil yang mempunyai Hakim Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rendah; tetapi Undang-Undang yang dilaksanakan sungguh mengelirukan dan ianya menyeleweng daripada kehendak Allah SWT. Jadi dengan yang demikian Dato' Yang Dipertua, saya mengharapkan supaya Exco yang ditugaskan dan diamanahkan untuk mengendalikan Jabatan Hal Ehwal Agama ini tibalah masanya dengan kelulusan, keupayaan dan kebolehannya itu untuk membaca dan meneliti sama ada Undang-Undang yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah itu sejajar dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga sentuh sedikit berkenaan dengan seksyen 66 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986. Seksyen ini memberi peruntukan pengiktirafan kepada Peguam-peguamcara dan Peguam-peguambela untuk menjadi Peguam di Mahkamah Syariah dengan syarat mereka ini beragama Islam, berbangsa Melayu dan diluluskan oleh suatu Panel, Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis bagi menerima perakuan amalat. Dato' Yang Dipertua, bidang ilmu tidak terhad kepada Islam atau pun Melayu, oleh itu dalam memajukan sesuatu perundangan ramai daripada satjana-sarjana kita yang memperoleh



9 September 1996

ilmu daripada Yahudi, yang mendapat PhD dari Mahaguru Yahudi. Oleh itu kenapa keadaan dan suasana dijadikan begitu, sepatutnya Peguam-peguam di Mahkamah Syariah ini diberi keutamaan kepada orang-orang yang berkelulusan Syariah kerana inilah yang menepati pelajaran dan ilmu mereka; dan bukannya Peguam-peguam daripada BAR, daripada Majlis Peguam yang beragama Islam, yang berbangsa Melayu. Kenapa perkara ini tidak diberi pertimbangan dan ukuran oleh mereka-mereka yang berwajib. Dato' Yang Dipertua, membina dan membangun sistem perundangan dan kehakiman ianya terletak sebahagian besarnya daripada pendidikan itu sendiri. Pendidikan yang bererti keilmuan yang ada kepada pegawai-pegawai yang akan mengendalikan urusan kehakiman dan pentadbiran kehakiman. Jadi kalaulah pegawai-pegawai yang dilantik sebagai Hakim tidak menjuruskan ilmu mereka kepada perkara-perkara kehakiman, misal kata seorang yang berkelulusan Sejarah dilantik menjadi Hakim, misal kata atau pun seorang yang berkelulusan Usuluddin dilantik menjadi Ketua Hakim adakah ini menepati ilmu yang berada pada diri mereka. Dan walau pun mereka mempunyai ilmu Syariah, adakah Undang-Undang yang hendak ditadbirkan itu Undang-Undang Syariah? Ini lebih penting.

Oleh itu Dato' Yang Dipertua, sampailah masanya Dewan kita yang mulia ini membincangkan yang pertamanya hendaklah kita memenuhi dan kehendak amanah Allah SWT melaksanakan hukum, memberi kuasa perundangan "the force of law" dengan izin Undang-Undang yang telah pun kita terima sebagai orang Islam di dalam al-Quran dan Sunnah. Pada hari ini dengan peruntukan-peruntukan yang telah pun sedia ada seperti Artikel 121A Perlembagaan Malaysia, kes-kes "law" yang saya bacakan tadi dan peruntukan-peruntukan yang selainnya, sepatutnya Dewan ini menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Dewan mengkaji dan menyemak semula tugas dan tanggungjawab kita untuk mengemukakan dan memberi kuasa perundangan kepada Undang-Undang agama kita kerana inilah kewajipan yang diletakkan ke atas kita Dato' Yang Dipertua.

Jadi itulah saranan saya dalam perkara-perkara ini dan saya harap Exco yang akan jawab memberi jawapan yang jelas kepada saya mengenai seksyen 192 dan 193 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986 dan juga seksyen 43(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu 1986.

Assalamualaikum waramatullahi wabarokatuh.

**YANG BERHORMAT MULLIA DATO' YANG DIPERTUA:** Sekarang saya mintak pihak kerajaan membuat jawapan.

**YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja):** Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dan memberikan pandangan masing-masing. Saya yakin kalau pandangan yang begini diberikan dengan baik maka tentu keadaan akan menjadi lebih baik dan yang baik akan mudah kita laksanakan kalau sekiranya kita teruskan keadaan yang sedemikian itu.

Fokus dalam pindaan ini adalah berpusat kepada masalah-masalah yang berkaitan dengan istilah. Walau bagaimanapun, walau pun perbahasan yang diminta untuk dipusatkan ialah kepada perkara yang khusus tapi saya masih juga menyambut baik di atas segala perkara yang

9 September 1996

disebutkan tentang perkara yang di luar daripada perkara yang dikemukakan dalam Rang Undang-Undang ini, yang dimaksudkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kuala Berang yang telah menjelaskan sedikit daripada latar belakang mengenai rancangan untuk mencapai maksud menaikkan taraf dan imej Mahkamah Syarak di seluruh negara yang saya fikir, saya tidak perlu lagi dengan ini mengulas kerana perkara ini adalah perkara yang telah lama diperjuangkan daripada semasa ke semasa dengan penuh kebijaksanaan, dengan cermat kerana dalam masalah menghukum, menjatuhkan hukuman kepada pesalah-pesalah bukanlah boleh dipandang ringan. Proses pembentukan generasi yang terlibat dengan perundangan ini bukan hanya merupakan satu proses yang mesti dimainkan oleh satu pihak saja. Ia memerlukan kepada peranan oleh semua pihak, perancang pendidikan, anggota masyarakat yang sentiasa diperlukan mempunyai pendirian yang jelas kalau sekiranya kita menjatuhkan sesuatu hukuman berdasarkan kepada yang dijelaskan tadi. Kita perlu memastikan supaya masyarakat menyambutnya dengan baik dan jangan ada yang menganggapkan perkara yang kita putuskan itu sebagai perkara yang bercanggah dengan kehendak semasa.

Saya tidaklah hendak menyebutkan secara terperinci tentang apakah yang dimaksudkan oleh pucuk pimpinan negara bagaimana disebutkan oleh Wakil daripada Tepoh baru sebentar tadi, yang menyebutkan bahawa kerajaan, maksudnya tidak dapat melaksanakan hukum Islam dalam negara yang berbagai kaum. Tentulah kenyataan-kenyataan seperti ini akan menjadi terkeliru kalau kita tidak memahami secara keseluruhan ucapan seseorang yang kita maksudkan. Ramai orang yang mengambil kesempatan dalam masalah hukuman ini kerana ada golongan masyarakat Islam yang sentiasa mencari satu segi yang susah untuk dijadikan modal bagi mengkritik pihak yang berkenaan. Hendak pun mereka mencari perkara-perkara yang lain mereka tidak mempunyai alasan tapi mereka lalu berpindah kepada masalah hukum iaitu sebagai satu perkara yang bukan hanya merupakan masalah yang dihadapi oleh negara seperti Malaysia ini, tetapi ia merupakan masalah yang dihadapi oleh sesiapa saja yang mentadbirkan negara masing-masing di dunia ini. Orang yang mempunyai pendekatan yang bijak ialah orang yang mempunyai pertimbangan daripada semua aspek. Tapi malangnya di negara ini Dato' Yang Dipertua, kita dapati ada golongan yang telah lemah untuk meyakinkan masyarakat, lalu mereka mencari satu segi yang mudah untuk dipersalahkan kerajaan yang memerintah negara; lalu mereka berpindah kepada aspek yang terlalu susah, yang terlalu susah bukan kerana ia susah tapi ia diperlihatkan sebagai satu perkara yang rumit yang tidak akan ada kesempurnaannya kalau tidak kita penuhi bagaimana maksud cakap mereka. Mereka mentafsirkan sesuatu perkara yang disebut dalam agama sebagai perkara yang perlu disesuaikan dengan pandangan mereka dengan tidak mengambil kira keperluan-keperluan yang lain. Maka sebab itu khusus mengenai dengan ucapan yang disebutkan oleh Wakil daripada Tepoh tadi, saya ingin meminta kerjasama supaya ia tidak diambil hanya sebahagian daripada ucapan itu dengan tidak melihat 'spirit' atau semangat daripada keseluruhan ucapan yang zahir daripada seorang yang bertanggungjawab bagi mentadbirkan sebuah negara untuk menjamin penghormatan negara lain dan mengiktiraf setiap langkah yang dibuat oleh kerajaan ini sehingga kita mendapat kejayaan. Bagi membalas 'quotation' itu saya perlu menyebutkan Dato' Yang Dipertua bahawa salah satu daripada kaedah yang paling baik bagi meyakinkan sesiapa saja terutamanya mereka yang sedang meneropong pergerakan Islam ini, Perdana Menteri mencadangkan supaya kita perlu mencipta kejayaan dalam semua bidang. Kejayaan akan menjadi asas yang paling kuat bagi memastikan orang menerima kita sebagai bangsa yang dihormati, sebagai negara yang dihormati. Tapi kalau

9 September 1996

sekiranya dalam sebuah negara itu terdapat banyak kegagalan, gagal dalam ekonomi, gagal dalam pendidikan, gagal dalam kesihatan, gagal dalam proses pembinaan masyarakat dan lain-lain lagi maka apa pun yang kita katakan tidak akan diterima sebagai perkara yang patut diamalkan. Maka sebab itu, saya yakin kalau sekiranya kita melihat maksud ucapan ini secara keseluruhan kita akan dapat yakin bahawa ia bukan bertujuan sebagaimana yang difahami oleh mereka yang hanya mengambil ucapan-ucapan itu dalam bentuk keratan-keratan yang tertentu untuk menjadi isu atau dijadikan isu bagi mereka.

Dato' Yang Dipertua, semua pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah merupakan pindaan istilah dan pindaan-pindaan ini walau pun dikatakan terlambat, mungkin ia benar, memang terlambat dari segi pindaan atau dari segi permukaan pindaan itu di dalam ini, tapi pindaan-pindaan istilah ini bukan bermakna kita melambatkan atau kita terlambat dalam menjalankan urusan pentadbiran Mahkamah atau pun dalam mengemaskinikan urusan Mahkamah. Kenyataan ini berdasarkan kepada apa yang berlaku di antara usaha-usaha kita dengan usaha daripada setengah-setengah negara lain yang walau pun, bukanlah maksud saya untuk menyatakan negara lain tidak mengambil tindakan, tapi kita bersyukur kerana usaha yang kita lakukan pada masa ini walau pun dikatakan terlambat oleh mereka yang terlalu ghairah untuk melaksanakan sesuatu tanpa melihat realitinya, sebenarnya kita telah dapat menjadi sebutan untuk dijadikan rujukan oleh setengah-setengah negara. Dalam usaha untuk memastikan, kalau kita bercakap mengenai dengan usaha untuk melaksanakan Undang-Undang Islam, usaha yang kita lakukan bagi memastikan supaya tidak ada satu perkara yang dianggap negatif oleh mana-mana pihak maka cara yang kita buat, bila kita mengambil masa yang boleh dikatakan mencukupi maka usaha kita ini sebenarnya telah pun mendahului setengah-setengah pihak yang lain yang masih takut untuk membicarakan hal ini. Walau pun setengah-setengah tempat menggunakan perkataan nak melaksanakan Undang-Undang Islam tapi kita tahu ada yang telah mengisytiharkan Undang-Undang Islam di negara mereka tapi bila sampai satu masa yang tidak stabil, undang-undang itu terpaksa dihentikan. Ini semuanya kita lihat berlaku daripada semasa ke semasa. Perbezaan di antara kita dengan negara-negara lain ialah hari ini setiap langkah yang kita buat kita tidak undur, setiap usaha untuk meningkatkan imej Mahkamah Syariah tidak berlaku satu proses yang menyebabkan kita undur ke belakang bagaimana yang berlaku di tempat-tempat yang lain. Ini satu perkara yang harus kita semua akui dan merasa syukur kepada Allah SWT walau pun pada zahirnya kelihatan lambat tapi sebenarnya ia merupakan langkah yang menyediakan platform yang kukuh. Hari ini kita mencadangkan pindaan istilah dan rancangan-rancangan untuk memperbaiki di mana ada ruang yang boleh kita perbaiki sama ada perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Batu Buruk atau yang lain-lain yang belum disebut. Semuanya perkara ini sedang diteliti oleh kerajaan kerana perkara ini bukan hanya berkaitan dengan kerajaan atau pentadbiran Undang-Undang Islam di Negeri Terengganu tapi kita tidak mengasingkan kehidupan masyarakat Islam di Negeri Terengganu daripada masyarakat Islam di negeri-negeri lain. Kita hidup dalam satu kesatuan, segala urusan yang kita buat ini pada pandangan Kerajaan Negeri Terengganu yang saya dapat panduan daripada pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja ialah untuk sentiasa kita perhatikan apakah yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Pusat yang mengambil tanggungjawab cuba menyelaraskan urusan-urusan pindaan Undang-Undang atau sistem mentadbirkan Undang-Undang Islam dalam negara kita ini. Kalau ia hanya merupakan usaha yang dibuat secara kenegerian dia hanya menggunakan peruntukan 121A Perlembagaan, maka berdasarkan kepada perkembangan kini walau pun kita terasing dalam negeri Perlembagaan tapi dari segi kehidupan seharian kita tidak boleh

9 September 1996

dipisahkan daripada negeri-negeri yang lain. Maka sebab itu, rancangan pindaan atau meneliti perkara-perkara yang disebutkan sama ada yang berkaitan dengan Fasal 192 dan Fasal 193, perkara-perkara ini yang telah saya ikuti memang perkara yang sedang diteliti. Kalau sekiranya benar apa yang dikatakan bahawa ini tidak tepat maka dalam Islam ketetapan, kebenaran hanya satu saja; kalau pun ada perbezaan mungkin perbezaan pentafsiran. Kita akan balik kepada kebenaran bila kita yakin bahawa itu sajalah kebenaran.

Jadi janganlah Yang Berhormat daripada Batu Buruk bimbang tentang perkara-perkara yang lain yang tidak menjadi fokus kepada pindaan hari ini. Usaha-usaha yang dibuat bukan hanya mengenai dengan pindaan-pindaan kepada perkara yang perlu dipinda tetapi dalam perbincangan saya dengan rakan-rakan saya di Kuala Lumpur, di bawah Kerajaan Pusat memang ada perkara-perkara yang lain yang perlu kita beri perhatian supaya hasrat daripada rancangan meningkatkan imej Mahkamah Syariah dan juga membina keyakinan masyarakat terhadap Mahkamah Syarak akan dapat kita lihat berlaku. Bagaimana yang pernah berlaku Dato' Yang Dipertua, kesugsaan setengah-setengah pihak bila kita memperkenalkan sistem kewangan Islam dalam negara kita ini. Pada masa itu pernah terjadi kebimbangan di setengah-setengah pihak yang menyatakan bahawa sistem itu tidak akan boleh diterima oleh masyarakat atau tidak akan berjaya. Tapi setelah kita membina keyakinan masyarakat dan memperkemaskan pengurusan dalam sistem yang berkenaan, maka kita dapati yang berurus dengan sistem itu bukan hanya masyarakat Islam, kita dapati masyarakat bukan Islam sebagai salah satu bahagian daripada komponen penduduk negara mereka lihat bahawa sistem itu juga mereka terima; dan ada yang berurus dengan sistem itu. Kalau ini berlaku dalam sistem kewangan negara maka saya yakin hasrat kita, bila kita lihat objektif utama Undang-Undang Islam yang meletakkan dua platform yang penting iaitu Undang-Undang yang mengandungi unsur hikmah dan unsur rahmat akan dapat benar-benar dilihat dan sudah tentu dengan tidak payah kita meminta saya yakin Mahkamah yang dipersembahkan secara yang demikian, yang dibina di atas keyakinan orang ramai dan juga keunggulan pengurusannya dengan pengetahuan yang mencukupi oleh pihak yang terlibat, maka saya yakin taupa mengajak orang lain mungkin orang lain yang bukan terdiri daripada orang-orang Islam merasa terliur nak pergi ke Mahkamah Syarak. Jadi saya percaya salah satu daripada perkara yang harus kita teliti dan janganlah mengkusari sangat tentang hari ini kita hanya mengemukakan pindaan istilah seolah-olah kita lupa tentang perkara-perkara yang lain. Akan sampai masanya nanti setelah kita mendapat muafakat yang baik daripada negeri-negeri di Malaysia ini kita akan dapat melihat rancangan memperbaiki dimana ada perkara yang harus diperbaiki. Insya Allah akan dapat kita lakukan.

Saya tidak dapat menyebutkan satu persatu tentang apa yang disebutkan oleh setengah Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, tapi saya nak sebut tentang ketiadaan institusi latihan bagi hakim dalam negara ini. Saya percaya Yang Berhormat daripada Wakil Tepoh memang dia arif, setakat yang dia arif tentang usaha-usaha kerajaan, tetapi kalau kita perkata bahawa kita hanya dapat meningkatkan kualiti Hakim Mahkamah Syarak itu setelah kita mempunyai institusi. Sebenarnya tidak wajar kalau kita mengatakan hanya bila kita mempunyai institusi yang demikian, maka baharu kita mendapat kualiti yang berkenaan. Ramai sudah yang berkualiti tanpa institusi asalkan kita ada satu rancangan yang tidak memandang rendah usaha-usaha yang dibuat oleh universiti-universiti tempatan. Universiti-universiti tempatan seperti Universiti Islam Antarabangsa. Telah kita rundingi dan mungkin kalau sekiranya didapati bagaimana saya difahamkan, didapati jumlah yang mencukupi Universiti Islam ini sebagai sebuah universiti yang

9 September 1996

mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu yang berbeza dengan universiti-universiti lain sentiasa menimbangkan permintaan atau 'demand' daripada anggota masyarakat. Dan mungkin tak payah kita sebut institusi, kalau kita namakan unit pun tak apa asalkan memberi hasil yang sama. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Batu Buruk, apa ada pada nama. Kalau sekiranya ada apa pada nama, kalau kita nak 'tukaq' kata orang Kedah daripada Qadi kepada Hakim, 'tukaq pi' kata orang Kedah. Kemudian daripada statement itu beliau mengatakan dia berasa tak senang hati kerana kita tukar istilah Qadi kepada Hakim kononnya daripada segi profesional istilah itu tidak tepat. Dan bila diikuti dengan apa ada pada nama, kenyataan yang kedua itu membatalkan 'argument' yang pertama. Dan ini menunjukkan bahawa walau pun saya tak pandai bidang ini tapi untuk bercakap saya fikir kadang-kadang yang dipertikaikan itu adalah mempunyai 'ground' yang tidak begitu kuat. Kerana itu saya berkata, saya bersetuju dengan kenyataan apa ada pada nama. Kalau kita berkata bahawa Malaysia sekarang menjalankan hukum Allah, apa ada pada nama kalau pengisiannya tidak ada. Mungkin kita berkata bahawa ini Mahkamah Malaysia. Kalau sekiranya Mahkamah Malaysia ini melaksanakan semua yang dapat kita terupaya melaksanakannya, mana yang lebih baik di antara Mahkamah Malaysia yang mengamalkan kehendak-kehendak Islam dengan sebuah Mahkamah yang kita namakan Mahkamah Islam tetapi tidak menggambarkan kehendak Islam yang sebenarnya. Maka sebab itu saya berkata, saya bersetuju dengan perkataan apa ada pada nama. Mungkin satu masa nanti kita akan menggunakan nama-nama hanya dengan tujuan untuk memberi impak kepada masyarakat. Kita bersetuju menggunakan perkataan Islam kerana mungkin kalau kita tidak gunakan perkataan Islam orang berfikir Islam tidak ada di situ, walau pun baik. Bila tak guna Islam mungkin mereka berkata Islam tidak ada pada yang baik.

Jadi kerana itu Ahli-ahli Yang Berhormat, saya fikir saya tak dapatlah beri ulasan lebih panjang cuma saya beri respon secara umum dan saya yakin hasrat saudara-saudara Yang Berhormat daripada Batu Buruk dan juga Yang Berhormat daripada Tepoh selari dengan gesaan daripada Yang Berhormat Kuala Berang yang mintak supaya kes-kes tertangguh disegerakan; dan ini semuanya memang dalam tindakan utama dalam senarai pengurusan Mahkamah Syarak.

Terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK  
MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
1986 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

9 September 1996

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 1986 ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, saya mohon maklumkan Rang Enakmen ini sudah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 1986 DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 4 Tahun 1996.

9 September 1996

TANGGUAH

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguh kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

**YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Dewan ini pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.50 PETANG.**

